

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah merupakan suatu tugas yang memerlukan kesabaran yang tinggi daripada seorang yang bergelar guru bahasa. Tidak semua guru bahasa berjaya mencapai objektif yang diinginkan setelah selesai mengajar bahasa kepada murid-muridnya. Tidak ramai juga murid yang berjaya mengikuti dan memahami apa yang diajar oleh guru mereka walaupun diajar berulang-ulang kali. Menyedari hakikat ini berbagai-bagai isu telah timbul dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Lantaran itu, salah satu program yang wujud ialah Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) yang berkait rapat dengan pembelajaran bahasa.

Bahasa ialah kunci pintu khazanah ilmu manakala bacaan ialah jaminan untuk mendapatkan ilmu (Koh Boh Boon, 1989). Dalam era modenisasi pada masa kini, masih terdapat pelajar yang buta huruf yang tidak tahu membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Kajian Kementerian Pelajaran baru-baru ini ialah mendapati 165, 000 pelajar di negara ini masih buta huruf. Daripada jumlah ini, 125, 000 adalah murid sekolah rendah dan selebihnya di sekolah menengah (Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010). Keadaan ini dilihat sebagai satu keadaan yang sangat membimbangkan.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan dengan harapan kadar buta huruf dapat dikurangkan. Jais Sahok dan Mat Nor Hussin (1990) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian yang rendah dalam membaca dan menulis diberi label sebagai kanak-kanak 'lembam' oleh para pendidik. Sekitar tahun 2000 pula, murid-murid ini dikenali sebagai murid 'GALUS' iaitu murid yang gagal dan lulus tidak menentu dalam

ujian. Manakala sekitar tahun 2008 pula, kumpulan ini digelar murid 'HALUS' memberi makna murid mempunyai harapan lulus.

Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, murid-murid tahap satu yang mengalami defisit akademik telah berkurangan daripada 9.1% pada tahun 2003 kepada 7.7% pada tahun 2004. Manakala pada tahun 2005 pula, didapati 4.4% pelajar-pelajar sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran membaca. Laporan ini telah menunjukkan keadaan yang semakin baik menyebabkan Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil tindakan sewajarnya untuk membasmikan masalah penguasaan kemahiran membaca agar berada pada tahap sifar.

Akta Pendidikan 1996 menyatakan bahawa Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Tujuan Kurikulum Bahasa Melayu digubal untuk melahirkan insan yang cekap berbahasa. Manakala matlamat kurikulum Bahasa Melayu untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi. Bahasa Melayu berfungsi sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia dan telah menjadi bahasa pengantar utama pendidikan persekolahan dan institusi pengajian tinggi mengikut catatan dalam Artikel 152 Perlembagaan 1957, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan Akta Pelajaran 1961.

Membaca merupakan satu kemahiran yang amat penting bagi memastikan murid terus dapat menimba ilmu. Tanpa menguasai kemahiran ini, sukarlah untuk seseorang murid meneruskan pengajiannya dalam dunia pendidikan. Kegagalan menguasai kemahiran asas membaca pada peringkat awal, terutamanya dalam kalangan murid Tahun Satu boleh mengakibatkan berlakunya 'Defisit Akademik' dan keadaan ini boleh berterusan dari sekolah rendah hinggalah ke sekolah menengah malah berterusan sehingga meninggalkan alam persekolahan. 'Defisit Akademik' bermaksud kegagalan menguasai

kemahiran asas seperti membaca (Buku Panduan KIA2M). Pihak Kementerian Pelajaran (KPM) berusaha menghapuskan gejala ini dengan pelbagai kaedah dan menelan jutaan ringgit.

Kegagalan dan kelambatan murid menguasai kemahiran membaca di peringkat rendah perlu dilihat dengan serius dan memerlukan kaedah-kaedah tertentu untuk mengatasinya. Gejala tidak boleh membaca dan tidak mahir membaca boleh memberikan kesan buruk kepada murid daripada segi akademik dan sosial. Misalnya, ketinggalan dalam bidang akademik atau pencapaian mereka rendah dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain akan menyebabkan mereka kurang berminat untuk belajar malah ada yang terus tidak suka ke sekolah. Ketinggalan menguasai kemahiran membaca mempengaruhi penguasaan dan pencapaian dalam mata-mata pelajaran lain (Khathijah Rohani bt Mohd Yunus dan Zalizan Mohd Jelas, 1993). Akibatnya juga, daripada segi psikologi keadaan ini menyebabkan mereka berasa kecewa, bosan dan tidak gemar membaca (Noran Fauziah Yaakub, 1992).

Ali Abdul Ghani (Nov 1993) menulis dalam Jurnal Teknologi Pendidikan mengatakan bahawa belajar membaca merupakan satu aktiviti mental yang kompleks. Ia juga merupakan satu proses yang lambat dan sukar. Sesetengah murid tidak dapat menguasai bidang pembacaan sepenuhnya dalam jangka masa yang sepatutnya seperti yang ditetapkan dalam kurikulum ini juga kerana murid mempunyai kelainan keupayaan dan minat. Menurut Koh (1986) pula, penguasaan bahasa yang lemah akan mengugat kemajuan dalam subjek lain. Ini disebabkan oleh bahasa ialah alat komunikasi untuk mempelajari dan menguasai sesuatu disiplin ilmu. Kegagalan seseorang murid dalam ujian atau peperiksaan dapat dikaitkan dengan kegagalan murid itu untuk membaca dan memahami soalan-soalan yang dikemukakan.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun Satu ialah kemahiran membaca yang didefinisikan sebagai keupayaan membaca ayat dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah memberi penekanan terhadap kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Ini merupakan objektif penting sistem pendidikan Sekolah Rendah di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Malah, dalam Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 turut diberi penegasan kepada pendidikan asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Sehingga hari ini masalah yang belum selesai ini sentiasa difikirkan oleh pihak Kementerian Pelajaran cara dan kaedah terbaik memastikan sifar buta huruf di negara ini.

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini dibuat berikutan masalah yang dialami oleh tenaga pendidik tahun satu di sebuah sekolah rendah di Gombak. Bermula daripada Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), Akta Bahasa Kebangsaan (1963 serta pindaan 1967 dan 1990) dan akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (1996) memperlihatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan sentiasa terpelihara. Bermula daripada akar umbi pihak Kementerian Pelajaran telah membuat perancangan awal agar setiap pelajar tidak tercicir daripada kecelaruan berbahasa Melayu dengan betul lebih lagi dalam keupayaan murid untuk membaca.

Perkembangan ini menunjukkan pelaksanaan penuh bahasa Melayu di semua peringkat persekolahan dan institusi pendidikan telah dijalankan. Kementerian melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah menggubal Sukatan Pelajaran serta Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Melayu bagi menentukan standard ukuran seperti yang dikehendaki pihak

kementerian. Bukan sahaja menekankan kemahiran asas mendengar, membaca dan menulis tetapi lebih daripada itu. Kandungan sukatan pelajaran lebih menjurus kepada rangsangan dan galakan murid supaya berfikir secara kreatif dan kritis, berkomunikasi dan berinteraksi seterusnya mempelajari bahasa Melayu dalam konteks yang lebih bermakna. Tiga bidang yang hendak digarapkan adalah bidang interpersonal, maklumat dan estetika melalui pelbagai kemahiran dalam bahasa sewajarnya dapat meningkatkan aspek kemahiran berbahasa murid.

Berdasarkan standard yang digariskan, murid sepatutnya mengecapi kemahiran yang digariskan namun terdapat murid yang lambat atau tercicir daripada landasan menyebabkan pelbagai program dirancang bagi membantu murid berkenaan. Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis diwujudkan menggantikan Kelas Transisi yang dijalankan sebelum ini. Bagaimanapun Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis juga telah terhapus rentetan program Literasi dan Numerasi (LINUS) sejak awal 2011, kajian tetap dijalankan bagi membantu tenaga pengajar mengesan kecelaruan membaca dalam kalangan murid.

1.2 Pernyataan masalah

Kajian ini berkaitan dengan kemahiran membaca sahaja dengan melihat kepada kecelaruan berbahasa yang dilakukan ketika aktiviti mengeja, menggabung, membaca dan membunyikan suku-suku kata terbuka, tertutup, gabungan, digraf dan diftong serta kemahiran membaca dan memahami ayat mudah. Kajian ini juga melihat kekerapan kesalahan yang dilakukan semasa membaca daripada sudut jantina, tempat tinggal, pendidikan awal murid, pendapatan ibu bapa dan taraf pendidikan ibu bapa itu sendiri.

Kajian dijalankan di sebuah sekolah sahaja dan seramai 6 orang guru ditugaskan mengajarkan subjek Bahasa Melayu di sekolah berkaitan. Waktu sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu murid-murid Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) hanyalah 12 waktu iaitu bersamaan dengan 360 minit ataupun 6 jam sahaja seminggu. Dengan itu, guru bahasa Melayu hanya berjumpa dengan murid-murid KIA2M selama 60 hingga 90 minit sahaja dalam sehari untuk mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Masa yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk mengajarkan asas membaca dengan memberi penumpuan secara individu kepada murid.

Terdapat hampir 220 orang murid yang menduduki Ujian Saringan yang ditentukan oleh pihak sekolah (Ujian pertama ketika memasuki Tahun Satu). Daripada 220 orang murid yang menduduki ujian ini, seramai 22 orang murid dipilih memasuki kelas KIA2M kerana murid ini mengalami masalah tidak boleh membaca perkataan yang terdiri daripada suku-suku kata terbuka, tertutup, gabungan, digraf dan diftong serta tidak berupaya untuk membaca ayat mudah dengan lancar. Justeru itu, tidak dapat dinafikan banyak pengorbanan dituntut seperti masa, wang dan tenaga bagi memastikan program KIA2M ini mencapai matlamat iaitu memastikan sifar buta huruf. Kesungguhan semua pihak dalam bergabung tenaga amatlah penting dalam menjayakan program ini. Program

yang telah tersedia modulnya ini perlu dipatuhi tatacaranya oleh tenaga pengajar bagi memastikan perjalanan program ini berjalan lancar. Pihak Kementerian Pelajaran telah menyediakan modul-modul menerusi Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk memastikan matlamat sifar buta huruf dapat dibanteraskan.

Bersandarkan keputusan ujian yang telah dijalankan mengikut keperluan pihak kementerian, keputusan ujian ini akan digunakan sebagai data untuk dianalisis bagi melihat pencapaian murid dan kebolehan murid. Keputusan ini juga akan dijadikan bantuan dalam proses mengkaji tahap kebolehan dan pencapaian murid.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk meninjau kecelaruan murid semasa membaca dalam program KIA2M. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Melihat kecelaruan murid semasa membaca dengan meninjau perbezaan pencapaian antara pelajar tentang kekerapan kesalahan membaca mengikut faktor jantina, pendidikan awal murid, pendapatan ibu bapa, tempat tinggal, dan pendidikan ibu bapa.
2. Mengenal pasti bentuk-bentuk kecelaruan yang kerap dilakukan oleh murid berumur tujuh tahun semasa membaca.
3. Melihat perbezaan pencapaian kebolehan membaca murid dari prasekolah kerajaan, Tadika KEMAS dan Tadika Swasta semasa menjejaki tahun satu.

Oleh itu kajian ini berkait rapat aspek-aspek seperti berikut :

- a) Keupayaan membaca suku kata terbuka.
- b) Keupayaan membaca perkataan suku kata terbuka.
- c) Keupayaan membaca suku kata tertutup.
- d) Keupayaan membaca perkataan suku kata tertutup.
- e) Keupayaan membaca perkataan suku kata tertutup 'ng'.

- f) Keupayaan membaca perkataan diftong.
- g) Keupayaan membaca perkataan vokal berganding.
- h) Keupayaan membaca perkataan difgraf dan konsonan bergabung.
- i) Keupayaan membaca perkataan berimbuhan.
- j) Keupayaan membaca ayat mudah.
- k) Keupayaan membaca dan memahami ayat mudah.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian berkait rapat dengan pelaksanaan KIA2M di sesebuah sekolah yang melaksanakan program ini secara serius. Maka kajian ini ingin melihat;

1. Apakah jenis-jenis kecelaruan yang kerap dilakukan oleh murid-murid Tahun Satu yang baru masuk ke sekolah rendah kerajaan?
2. Adakah kecelaruan membaca murid-murid mempunyai perbezaan antara faktor yang dikaji seperti jantina, pendidikan awal murid, pendapatan ibu bapa, tempat tinggal dan pendidikan ibu bapa?
3. Apakah terdapat perbezaan kecelaruan membaca murid dilihat dari tempat awal mereka mendapat pendidikan formal?

1.5 Kepentingan Kajian

Khathijah Abdul Hamid (1993), kebanyakan mereka yang tidak boleh membaca merupakan golongan yang menganggur, tercacir dalam persekolahan dan mereka yang *delinkuen juvenil*. Keadaan ini harus dibendung agar mereka belum tercacir tidak terus tercacir dalam mata pelajaran dan ketinggalan di alam pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran bahawa masih terdapat murid-murid yang tidak boleh membaca setelah mendapat pendidikan formal di sekolah rendah selama enam tahun.

Kajian ini penting untuk memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengatasi masalah murid-murid yang tidak boleh membaca terutamanya daripada sudut kecelaruan berbahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan ketika membaca oleh murid-murid KIA2M.

Kajian ini juga penting untuk melihat keberkesanan program KIA2M selama ianya telah dijalankan. Kekuatan-kekuatan yang didapati dalam program KIA2M akan membantu untuk meneruskan program seterusnya dirancang oleh Pihak KPM iaitu program Literasi dan Numerasi (LINUS). Keberkesanan kaedah-kaedah tertentu dalam program KIA2M patut diambil kira untuk diberi penekanan manakala kelemahan-kelemahan patut pula dijadikan iktibar bagi mencapai satu tujuan iaitu memastikan murid tidak lagi buta huruf.

Diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan pendidikan demi masa depan anak-anak mereka agar mereka tidak menjadi masyarakat yang terus ketinggalan dan kurang memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Maka ibu bapa perlulah memberikan sokongan dan kerjasama terhadap program ini dalam usaha membantu anak-anak mereka yang bermasalah ini. Kesedaran ibu bapa akan mengubah kemampuan anak-anak agar setidak-tidaknya dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan orang lain.

Dengan ini, penyelidik berharap kajian ini dapat membuka jalan sesetengah pihak dalam mengatasi masalah murid-murid tidak boleh membaca dan tidak menyalahkan mana-mana pihak atau menunding jari menyalahkan orang lain. Guru-guru, tenaga pengajar, dan penceramah motivasi diharap dapat memberikan data dan dapatan kajian kepada ibu bapa dalam majlis perjumpaan bersama ibu bapa bagi memudahkan kerjasama di antara semua pihak. Perancangan dan kajian telah dijalankan dan ini bermakna usaha dan jalan telah

dibuka luas. Terpulang kepada ibu bapa, para pendidik dan murid itu sendiri untuk mengambil peluang memanfaatkannya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada masalah kecelaruan membaca bahasa Melayu iaitu masalah tidak boleh membaca yang dijalankan ke atas murid-murid yang sedang mengikuti Program KIA2M di Tahun Satu di sebuah sekolah di daerah Gombak, Selangor. Walaupun secara keseluruhan program ini menyentuh masalah tidak boleh membaca murid-murid tahun satu di seluruh negara, kajian dijalankan hanya di sebuah sekolah di kawasan bandar yang diharap dapat membuka mata pihak tertentu untuk melihat tahap keupayaan membaca murid semasa memasuki Tahun Satu. Seramai 22 orang pelajar yang menjadi responden dan enam orang guru KIA2M membantu penyelidikan ini. Berikutan terdapat batasan dalam kajian ini, mungkin dapatan kajian ini kurang sesuai untuk dijadikan sebagai petunjuk keseluruhan pelaksanaan Program KIA2M bagi seluruh Malaysia disebabkan kelainan kebolehan murid berdasarkan latar belakang keluarga, kemudahan yang disediakan dan persekitaran murid itu sendiri.

Ketika kajian dijalankan pihak kementerian telah merancang untuk menggantikan program KIA2M sepenuhnya dengan program LINUS (Literasi dan Numerasi). Proses penggantian program ini telah menyebabkan beberapa perubahan sedikit demi sedikit dalam program KIA2M di saat akhir sebelum digantikan. LINUS diperkenalkan dengan tujuan yang sama iaitu menghapuskan buta huruf dalam kalangan murid Tahun Satu di seluruh negara.

1.7 Konsep dan Definisi

Konsep dan definisi ini dapat memperjelas lagi kefahaman tentang kajian yang akan dilakukan.

1.7.1 Kecelaruhan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) celaru ialah tidak tentu arah, tidak beraturan (berketentuan, keruan dll.), kacau-bilau manakala kecelaruan pula memberi makna perihal bercelaru (bukan keadaan, fikiran dll.) Keadaan kacau-bilau. Keadaan kacau-bilau yang menyebabkan tidak dapat membaca perkataan mahupun ayat yang diberikan. Kekacauan berlaku seringkali semasa ingin menyebut perkataan menyebabkan ejaan dan sebutan menjadi salah.

1.7.2 Bahasa Melayu

Menurut Ferdinand De Saussure menyatakan bahawa bahasa adalah sistem isyarat yang mempunyai bahagian yang terpenting iaitu gabungan erti atau makna dengan bunyi (sound images) yang bersifat psikologi. Ucapan manusia terdiri daripada gabungan langue (bahasa) dengan parole (ujaran) (Mangantar Simanjuntak, 1987:105). Bahasa juga ialah data yang dianalisis dalam linguistik. Menurut definisi linguistik bahasa ialah suatu sistem simbol-simbol yang terdiri daripada bunyi-bunyi yang diucapkan dalam atau melalui mulut manusia yang dipersetujui oleh sekelompok manusia itu berkomunikasi (Lufti Abas, 1975:4).

Asmah Haji Omar (1978), menyatakan Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi untuk negara Malaysia. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah di Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan (Nor Asmah binti Abdul Aziz, 2009). Awang Had Salleh (1982), dalam Laporan Jawatan kuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia menyebut tiada definisi rasmi yang diberikan mengenai istilah Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia. Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda orang berketurunan Melayu. Perkara 152 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan perlu digunakan dalam semua urusan rasmi (Nor Asmah Abdul Aziz, 2009).

1.7.3 Analisis Kesilapan

Corder (1981) mendefinisikan kesilapan berbahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk petuturan penutur jati, kesilapan itu meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan kata istilah dan sebagainya. Corder juga menegaskan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh murid merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Maklum balas daripada analisis itu dapat dijadikan dasar oleh guru untuk merangka strategi daripada segi pendekatan, kaedah dan teknik.

1.7.4 Jantina

Jantina merujuk kepada jantina responden kajian. Perbandingan dibuat di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Suseladevy Muthusamy (2004) menyatakan pelajar perempuan lebih menumpukan perhatian terhadap aktiviti akademik berbanding dengan pelajar lelaki. Ini menunjukkan terdapat perbezaan juga dalam proses awal membaca bagi dua jantina ini.

1.7.5 Pendapatan Ibu bapa

Pendapatan ibu bapa merupakan salah satu faktor yang boleh menentukan tempat seseorang anak itu belajar. Bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi, mereka lebih suka menghantar anak mereka ke tempat yang lebih selesa dan memudahkan mereka untuk berurusan sekiranya mempunyai masalah. Sarala Manikam (2003) menyatakan ibu bapa bersedia mengeluarkan wang yang banyak asalkan anak mereka mendapat kemudahan yang lebih selesa dan terjamin keselamatannya.

1.7.6 Keputusan Ujian

Keputusan ujian adalah satu data yang mengukur perbezaan pencapaian murid dalam peperiksaan. Keputusan ujian ini penting untuk melihat kedudukan murid dalam kelas. Keputusan ini juga dijadikan satu kayu pengukur untuk guru membuat tindakan susulan mahupun pengayaan atau pemulihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.7.7 Pendidikan Awal Murid

Pendidikan awal murid dikatakan bermula sejak kecil lagi. Namun pendidikan secara formal ialah pendidikan yang dirasai apabila murid mula belajar secara individu mahupun kumpulan di suatu tempat yang tertentu. Masa belajar sudah ditentukan dan murid terikat dengan undang-undang sekolah yang dihadiri. Di sekolah ini murid-murid mula dinilai akan kebolehannya. Susila Pechimuthu, (2005) menyatakan penyesuaian diri dengan alam persekolahan merupakan masalah utama bagi murid yang baru memasuki sekolah untuk mencapai keputusan yang baik. Murid akan berjaya dalam peperiksaan setelah sesuai dengan alam persekolahan dan mengetahui teknik atau cara yang berkesan untuk belajar.

Menurut Anderson, Hetherington & Clingempeel dalam Susila Pechumuthu, (2005) Kanak-kanak memerlukan sokongan daripada kedua ibu bapanya supaya dapat menempuh perubahan di alam persekolahan lebih lagi bagi kanak-kanak di awal persekolahan.

1.7.8 Tempat Tinggal

Tempat tinggal murid dibahagikan kepada rumah kawasan kampung iaitu rumah yang dibina sendiri termasuklah rumah di kawasan setinggan yang berhampiran. Tempat tinggal di kawasan rumah pangsa pula ialah kawasan rumah bertingkat dan penempatan adalah padat. Tempat tinggal kawasan taman pula ialah rumah di kawasan taman perumahan yang dibeli atau disewa lebih teratur dan dilengkapi dengan kemudahan awam. Penempatan memainkan peranan dalam mempengaruhi pemilihan rakan sebaya. Saraspati Rajoo dalam Suseladevy (2004) menyatakan rakan sebaya sebagai agen sosialisasi.

1.7.9 Pendidikan ibu bapa

Pendidikan ibu bapa merujuk kepada setinggi mana ibu bapa kepada responden belajar pada zaman persekolahan dan menyambung secara formal selepas alam persekolahan. Taraf pendidikan ini diketahui melalui sijil-sijil yang dimiliki oleh seseorang. Taraf pendidikan juga dapat dikesan dengan melihat pekerjaan yang disandang.

1.8 Rumusan

Kajian demi kajian telah dijalankan jelas menunjukkan masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak mendapat perhatian semua pihak. Kehendak ibu bapa dan guru melihat murid-murid dapat membaca seawal mungkin akan menjadi kenyataan sekiranya tindakan awal di ambil oleh pihak yang hampir dengan murid. Sun dan Lin (2001) mendapati pergolakan keluarga memberikan kesan kepada skor akademik, kesejahteraan diri, tingkah laku di sekolah dan penglibatan bahan yang memudaratkan kesihatan berbanding murid daripada keluarga asas.

BAB 2

KAJIAN KEPERPUSTAKAAN

2.0 Pendahuluan

Program KIA2M telah berjalan bertahun-tahun bertujuan mengatasi masalah murid lambat membaca. Program ini berupa pemulihan membaca yang dilaksanakan di negara ini bagi membantu murid-murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran di peringkat awal iaitu menjelang umur tujuh tahun lagi. Program yang bermotifkan sifar buta huruf dicetuskan bagi mencapai taraf yang lebih baik bagi setiap individu untuk mengecapi kemajuan dunia berteknologi. Program ini mendapat sambutan yang amat baik sehinggakan wujud program susulan iaitu Program 3M (PROTIM) bagi murid Tahun Empat, Lima dan Enam di sekolah rendah.

Pelbagai kaedah dan teknik telah diguna pakai untuk mengatasi masalah tidak boleh membaca. Namun, masalah tidak boleh membaca ini masih tidak dapat di atasi sepenuhnya di sekolah rendah sehingga meleret ke sekolah menengah. Pendidik mula menunding jari menyalahkan antara satu dengan lain. Bertujuan membantu menyelesaikan masalah ini, penyelidik akan melihat pandangan serta kajian-kajian lalu yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara berkaitan masalah tidak boleh membaca oleh murid-murid sekolah rendah khususnya.

Tahap kecerdasan dan psikologi yang rendah dalam kalangan murid adalah akibat pelbagai faktor genetik, kecacatan fizikal murid, persekitaran dan sebagainya yang berkecenderungan menimbulkan permasalahan untuk mempelajari dan mengingat sesuatu kemahiran yang diajar oleh guru. Selain itu, tahap kesihatan serta gangguan emosi sering menjadi punca masalah pembelajaran. Murid yang mewarisi tahap kecerdasan yang rendah

sering memperlihatkan gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan berbagai-bagai perasaan lagi yang pastinya menjejaskan tumpuan dan perhatian terhadap pembelajaran (Zulkifley: 2006).

2.1 Kemahiran Membaca

Seseorang pelajar lazimnya perlu banyak membaca. Dalam konteks sekolah bestari, pelajar digalakkan mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Mereka membaca untuk pelbagai tujuan. Ada masanya mereka perlu membaca secara meluas atau ekstensif. Ada masanya pula mereka perlu membaca secara intensif atau mendalam. Untuk menjadi seorang pembaca yang berkesan, pelajar perlu menguasai dan mengamalkan beberapa teknik membaca.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), membaca bererti memerhati isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya. Manakala di dalam Oxford Advanced Learner's Dictionary (1995) membaca diertikan:

“ to look at and be able understand something written or printed: to say with one's voice or one's mind written words, to read something out, to get information about something, someone or event, ect.”

Leslie (2001) menjelaskan maksud membaca adalah satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Rushidy Ahmad Tu'aymah (2006: 187) pula menyatakan, membaca merupakan interaksi pembaca dengan bahan bacaan menerusi deria penglihatan dan pembaca akan mentafsir dan merungkai simbol-simbol bacaan kepada mesej tertentu serta

cuba memahami makna yang hendak disampaikan berdasarkan maklumat pembaca yang sedia ada.

Tuntasnya, membaca bukan hanya proses mekanikal yang melibatkan menulis huruf semata-mata. Penglibatan proses yang berhubung kait antara huruf dan seterusnya proses menterjemah penulisan serta permaknaan perkataan yang diterjemahkan. Satu proses yang kompleks dan tidak mudah berbanding apa yang diangankan.

Jenis-jenis bacaan:

1. Bacaan Nyaring (Abdullah: 2007) menyatakan bacaan nyaring merupakan peringkat yang pertama mempelajari bahasa. Pada peringkat bacaan ini, pembaca perlu memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenali bentuk-bentuk simbol penulisan, mengetahui makna-makna perkataan serta tahu menyebut dengan betul secara nyaring. Semasa membaca secara nyaring, pembaca perlulah berhati-hati daripada sudut sebutan huruf serta dapat menyesuaikan diri dengan intonasi sesuatu ayat. Dikatakan jenis bacaan ini lebih sukar.
2. Bacaan senyap merupakan proses bacaan menerusi pemikiran yang tidak mengeluarkan bunyi atau suara. Pembaca perlu merungkai lambang-lambang dan simbol-simbol penulisan seterusnya cuba memahami maknanya dalam minda tanpa mengeluarkan bunyi atau suara (Jaurdat Rika:biy: 1973: 88)
3. Bacaan cepat dimaksudkan ialah bacaan yang bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta keseronokan ketika membaca. Pembaca tidak perlu membaca seluruh perkataan yang tertulis malah berperanan memantau secara

sepintas lalu bahan yang ada di hadapannya dan dalam masa yang sama pembaca memiliki kemampuan memahami apa yang dipantau.

4. Bacaan teliti merupakan bacaan yang digunakan semasa proses pembelajaran. Ianya digunakan untuk menghayati dan memahami apa yang terdapat di dalam teks yang dibaca. Pembaca mengambil kira isi-isi penting dan sampingan serta tujuan penulis menulis sesuatu teks. Ketelitian pembaca pada peringkat ini menjadikannya seorang pembaca berkesan.

Abdullah Aliyy Mustapha (2007: 129-136) menjelaskan bahawa penguasaan dan kefahaman membaca bergantung kepada teknik dan cara pembaca menggunakan mata serta minda dalam memahami satu-satu makna. Beliau turut menjelaskan bahawa terdapat langkah-langkah yang baik untuk memahami sesebuah teks. Antara langkah-langkah yang diutarakan seperti cara sepintas lalu untuk mengetahui idea asas, bacaan secara teliti untuk lebih memahami maklumat yang telah didapati, memilih perenggan yang penting untuk diteliti dan difahami bermula daripada umum kepada khusus dan seterusnya pembaca mestilah mengaitkan maklumat baru yang diperolehi dengan pengalaman yang sedia ada.

Darabie (2000) mengkaji strategi metakognitif dalam pemahaman membaca bahasa pertama dalam kalangan pelajar kolej. Wujudnya hubungan signifikan antara strategi metakognitif pembaca kolej dengan tahap kesukaran membaca. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi subjek yang dikaji dengan penggunaan strategi kesedaran metakognitif dalam membaca.

Folger (2001), dalam kajiannya menunjukkan bahawa responden kajian menggunakan pengetahuannya berkaitan perkataan, ayat dan hubungannya dengan pengalaman. Responden dapat menyatakan kandungan pemikirannya secara visual daripada

teks atau ilustrasi untuk membina teks selari dengan bacaannya. Kesemua peserta kajian dalam tahap berbeza dapat mengekod perkataan yang dibaca dengan baik. Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan dan perkaitan antara kemahiran membaca dengan pengalaman. Responden yang mempunyai pengalaman mempelajari sesuatu lebih mudah untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Kajian oleh Kelly (2001) terhadap 20 pembaca yang mewakili tahap membaca yang tinggi dan rendah dalam bahasa kedua pula mendapati pembaca lemah dapat meningkatkan pemahaman dengan menyatakan kembali apa yang dibacanya. Kelemahan mengenal pasti ayat dapat diatasi dengan membaca secara berhati-hati. Dapatan juga menunjukkan pembaca tahap kebolehan tinggi menguasai pemahaman lebih baik berbanding pembaca lemah.

Sengupta (2002), membincangkan perubahan dalam proses membaca pembaca berdasarkan pengalaman literasi melalui kursus-kursus diikuti. Kajian ini juga menghuraikan cara mengajar membaca dikendalikan dengan menitik beratkan perkembangan proses kesedaran membaca yang berupaya mengubah model membaca pembaca secara eksplisit.

Kajian yang dijalankan oleh Francine (2002) meneliti keupayaan pemahaman teks pembaca tahun pertama di universiti. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pembaca tahun pertama yang memulakan pengajian tahun pertama dengan penguasaan strategi pemahaman membaca mereka. Pembaca berkenaan didapati tidak bersedia secukupnya sebelum memasuki universiti. Menurut Chua Soon Bui (2008) pula, berdasarkan Ujian Penapisan KIA2M pada bulan Januari 2008, peratus dan bilangan murid-murid Tahun Satu sekolah kebangsaan yang tidak menguasai kemahiran membaca,

menulis dan mengira dalam program KIA2M di Sabah sebanyak 65.5% atau 28,700 orang.

2.2 Masalah-masalah membaca

Murid-murid sekolah rendah merupakan aset negara pada masa hadapan bagi meneruskan kesinambungan bangsa dalam memajukan negara menjelang Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, wujudnya jurang pemisah dalam membangunkan generasi muda dalam keseimbangan potensi individu. Penekanan dalam konsep kepelbagaian kecerdasan serta perbezaan individu murid menjadikan pendidikan pemulihan sebagai pilihan dalam membantu mereka agar berjaya mencapai matlamat kehidupan dan kejayaan sistem pendidikan di negara ini. Sehubungan itu, pemulihan merupakan satu pendekatan yang berbeza daripada kelas biasa dalam sistem persekolahan kebangsaan. Pendidikan pemulihan berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan dalam membentuk kemahiran pembelajaran murid. Permasalahan murid-murid lambat amat merisaukan bukan sahaja ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan. Masalah pencapaian yang rendah atau masalah pembelajaran murid kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor psikologi, biologi dan persekitaran (Roselan, 2003).

Crawley & Meritt (1996) memberi pandangan bahawa perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang susah akan menyebabkan seseorang murid itu menghadapi kesukaran untuk membaca. Tambahan pula, perkataan yang dilihat itu merupakan perkataan yang tidak wujud dalam persekitaran dan pengalamannya yang mendorong kepada kesukaran untuk membaca.

Seorang kanak-kanak dikatakan gagal membaca apabila mereka tidak dapat memenuhi kehendak dan jangkaan ibu bapa atau guru mereka (Walker, 1992). Oleh itu, pendidikan di rumah sangat penting. Ibu bapa bertanggungjawab dalam mendidik anak-

anak mereka sebelum melangkah masuk ke alam persekolahan. Kebanyakan anak-anak tercir apabila mereka tidak dapat membaca pada peringkat yang sepatutnya. Perhatian yang sewajarnya patut diberikan kepada anak-anak ini. Ini disebabkan masa yang diperuntukkan di sekolah untuk mereka belajar berbahasa hanyalah enam jam sahaja dalam masa seminggu. Oleh itu, kerjasama daripada ibu bapa sangatlah diperlukan untuk berganding bahu bersama-sama dengan guru dalam membantu dalam usaha mengatasi masalah tidak dapat membaca bagi merealisasikan hasrat kerajaan mencapai negara maju menjelang 2020.

Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Permasalahan membaca yang ada dalam diri murid adalah seperti keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak diketahui makna atau gagal membunyikannya. Ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid-murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut.

Kavita Mahalingam (2010) telah menjalankan kajian terhadap murid Tahun Satu di sekolah rendah mendapati masih terdapat murid yang tidak kenal huruf terutamanya huruf yang hampir sama bentuk. Ramai juga murid yang tidak tahu memenggal suku kata apabila membaca perkataan. Murid selalu lupa akan bunyi suku kata yang dibacanya. Apabila membunyikan suku kata terakhir murid lupa bunyi suku kata awalnya. Kesalahan-kesalahan ketika membaca seperti kesalahan penambahan, pengulangan, pembalikan, pengguguran dan penggantian huruf sering dilakukan.

2.3 Amalan Pengajaran dan pembelajaran

Amalan-amalan membaca dibincangkan di sini untuk memberitahu bahawa dalam proses membaca terdapat pelbagai teknik dan masalah semasa membaca. Oleh kerana membaca adalah satu kemahiran, disertakan kemahiran-kemahiran membaca untuk diketahui umum.

2.3.1 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru harus menggunakan pelbagai pendekatan aktiviti yang sesuai dengan perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat serta minat murid. Guru perlu menjalankan aktiviti yang melibatkan murid secara aktif supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna, berkesan dan menyeronokkan. Aktiviti tersebut perlu dirancang dan dikelolakan secara sistematik bagi menjamin setiap murid mendapat peluang yang sama. Oleh itu mereka memperoleh pelbagai pengalaman pembelajaran sebenar sama ada secara individu, kumpulan ataupun kelas.

Anette Sandberg dan Pramling (2003), dalam kajian mereka menjelaskan bahawa ramai guru prasekolah sedar akan kepentingan bermain sambil belajar untuk perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak dan menitikberatkan aktiviti bermain dalam kelas. Aktiviti yang dilakukan di dalam kelas adalah pengalaman yang sangat penting untuk proses pembelajaran.

2.3.2 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Trudy K. Stewart (1999) menjelaskan bahawa BBM digunakan oleh guru, fasilitator dan tutor untuk membantu murid menguasai bacaan dan kemahiran lain. BBM juga digunakan untuk mengilustrasi atau memperkayakan kemahiran, fakta atau idea. BBM turut mengurangkan kerisauan, ketidakyakinan atau kebosanan kerana kebanyakan BBM adalah dalam bentuk permainan yang menyeronokkan.

Penggunaan bahan bantu mengajar tidak dapat dinafikan lagi telah berjaya mempertingkatkan prestasi penguasaan asas bacaan dalam kalangan pelajar pemulihan. Peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar dengan jelas bertepatan dengan kajian Abdul Rahman Abdul Rahim (1995) mendapati penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik dalam proses pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan adalah penting kerana ia dapat mempertingkatkan kejayaan pembelajaran, lebih-lebih lagi untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

Penggunaan alat bantu mengajar secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid pendidikan pemulihan. Mok Soon Sang (1992) menyatakan bahawa seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi pelajarnya mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan dengan menitikberatkan penggunaan bahan bantu mengajar sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat itu.

2.4 Pendidikan Prasekolah

Kerajaan turut menyediakan pendidikan prasekolah bagi menyediakan kanak-kanak sebelum mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang lebih formal. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sebanyak 5852 buah kelas prasekolah telah dibuka sejak tahun 2007 untuk kanak-kanak dari 5 tahun hingga 6 tahun. Antara objektif pendidikan prasekolah ialah menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan memperkembangkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi.

Malah untuk mengatasi masalah keciciran membaca ini, KPM telah mengambil iktibar untuk menubuhkan sekolah prasekolah bagi golongan yang tidak berkemampuan. Ini disebabkan masih ada ibu bapa yang tidak berkemampuan untuk menghantar anak mereka ke sekolah prasekolah swasta kerana tidak mampu untuk membayar yuran. Maka tidak hairanlah ada kanak-kanak yang terus mengikuti persekolahan formal tanpa mengikuti pendidikan prasekolah. Lebih malang lagi apabila kanak-kanak ini tidak dibimbing dan apabila mereka melangkah ke tahun satu, mereka bergantung kepada guru untuk membantu mereka padahal, murid-murid yang lain telahpun jauh lebih menguasai kemahiran membaca daripada mereka.

2.5 Pendidikan Pemulihan

Hasil laporan Program Pemulihan di Sekolah Rendah mendapati, program ini sangat memberikan kesan kepada murid. Sejumlah 50% murid berjaya dipulihkan menjelang tahap 2 persekolahan. Hasil laporan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia juga menunjukkan antara tahun 1990-2000 seramai 78,495 orang murid hingga 86,852 orang murid dan daripada jumlah ini 50% berjaya dipulihkan. Dengan adanya pendidikan pemulihan ini,

kanak-kanak yang lemah akan berasa diri mereka mendapat perhatian khas daripada pihak sekolah. Kesedaran ini berkesan bagi mereka untuk mengatasi kesulitan belajar dan tidak akan rasa terbuang atau terbiar begitu sahaja. Mereka juga merasakan lebih berani dan tidak malu dengan adanya guru yang mendekati mereka (Syed Abu Bakar Syed Akil, 1997).

Norhashimah Hashim dan Yahya Che Lah (2005), menjalankan kajian tentang 'Kanak-Kanak yang Bagaimana dikehendaki untuk Generasi akan Datang' pastinya kanak-kanak yang cemerlang. Kecemerlangan datangnya daripada murid yang cepat membaca meliputi kesihatan fizikal, mengawal perasaan atau emosi, boleh bergaul, dan berinteraksi serta berkomunikasi dengan baik. Turut dinyatakan bahawa mendidik dan memberi perhatian bermaksud memastikan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang hendak diajar atau diterapkan kepada kanak-kanak sudah dikuasai dan dapat dilakukan serta diamalkan oleh kanak-kanak dengan betul dan berkesan.

Mohd Azhar Abd. Hamid (2003) memetik kajian Cropley (2001), menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak sangat memerlukan persekitaran dan motivasi yang amat signifikan bagi merealisasikan bakat dan kemahiran kreativiti kanak-kanak. Bersetuju dengan petikan di atas, Zainiah bt Isa dan Hajah Salimah bt Mohammad Ali (2003) menyatakan bahawa perkembangan sosio emosi diri kanak-kanak adalah penting. Jika keperluan tidak dipenuhi, perkembangan domain yang lain akan turut terjejas. Adalah penting kestabilan sosio emosi kanak-kanak perlu disemai sejak awal lagi. Nik Abdul Rahman Kasim (2003) dalam kajiannya menyatakan guru tadika banyak menggunakan kaedah pengajaran membaca selaras dengan pendekatan dan kaedah psikolinguistik namun hanya kaedah membina dan kaedah cerakinan sahaja yang sesuai berikutan kajiannya telah membuktikan kaedah tersebut memberi kesan positif ke atas penguasaan kanak-kanak

dalam menangani masalah pembacaan. Melalui kaedah cerakinan juga menunjukkan murid dalam kalangan kumpulan sederhana dapat menunjukkan kesan yang amat positif.

Zambri dan Mohammaed Amin (2004), membuat kajian terhadap strategi belajar dalam kalangan pelajar menunjukkan dapatan pelajar lelaki lebih cemerlang berbanding pelajar perempuan di dalam kelas mahupun luar. Pelajar lelaki juga menggunakan strategi yang lebih baik ketika menghadapi peperiksaan. Hal ini kerana pelajar lelaki yang cemerlang bersikap dan mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu terutamanya yang melibatkan aktiviti bertutur berbanding pelajar cemerlang pelajar perempuan. Sabri bin Ahmad Zabidi (2010) dalam kajiannya mendapati tahap pemikiran subjek kajian berada pada tahap sederhana dan kesemuanya dapat menguasai pemikiran rendah dan hanya segelintir sahaja yang berada pada tahap pemikiran yang tinggi. Ini membuktikan tahap penguasaan responden berada pada tahap yang sederhana. Tahap pemikiran yang tinggi menunjukkan pencapaian penguasaan membaca dengan baik.

2.5.1 Pemulihan Dalam Bilik Darjah

Guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan aktiviti pemulihan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah di dalam kelas. Guru berperanan mengatur langkah-langkah yang sesuai dalam pengelolaan sesi pemulihan, menguruskan aktiviti pembelajaran, menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran, menyediakan bahan, menjalankan aktiviti penilaian serta mengambil tindakan susulan.

Pengajaran program pemulihan dalam bilik darjah dijalankan semasa murid-murid lain menjalankan aktiviti pengayaan. Pemulihan penting bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran oleh seseorang guru (Tuan Jah Tuan Yusof, 2010). Aktiviti ini biasanya

dilakukan selepas proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas dijalankan. Semua aktiviti pemulihan ditumpukan kepada satu kemahiran yang tertentu.

Pengelolaan pengajaran pemulihan dalam kelas biasa meliputi:

- a) penentuan objektif pengajaran
- b) perancangan langkah-langkah dan strategi pengajaran
- c) pelaksanaan aktiviti pengajaran pemulihan
- d) penilaian

Objektif pengajaran pemulihan biasanya ditentukan oleh masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar melalui ujian diagnostik. Apabila seseorang pelajar telah menguasai kemahiran yang ditetapkan, aktiviti sokongan, pengayaan serta pengukuhan perlu dijalankan. Ini bertujuan agar masalah yang serupa tidak berulang lagi. Aktiviti ini juga akan dapat memupuk keyakinan diri seseorang pelajar serta semangat ingin mencuba dalam aktiviti pembelajaran.

Keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran bergantung kepada banyak faktor. Pengetahuan tentang kaedah-kaedah pengajaran sahaja belum tentu menjamin pembelajaran yang bermakna dan berkesan. Guru perlu memahami dan mengamalkan falsafah dan saranan yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Negara selain menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar (nota Taklimat KIA2M).

2.5.2 Program KIA2M

Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) merupakan satu program yang dirancang khusus untuk membantu murid Tahun Satu menguasai kemahiran asas iaitu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Menurut Buku Panduan KIA2M, satu mesyuarat dikenali sebagai “Mesyuarat Memperkasa Sekolah Kebangsaan” yang diadakan pada 22 November 2005 telah mengambil keputusan untuk mengatasi masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam kalangan murid-murid Tahun Satu. Oleh itu, PPK telah dipertanggungjawab untuk meneliti program ini dan seterusnya menjadi pelopor usaha mengatasi masalah tidak boleh membaca dan menulis dalam kalangan murid yang terlibat.

Program KIA2M telah mula dilaksanakan pada tahun 2006 dan dijalankan secara sepuh masa oleh guru-guru Bahasa Melayu Tahun Satu. Kegagalan menguasai 3M dikenal pasti menyebabkan defisit akademik kumulatif dan perbezaan tahap pencapaian dalam kalangan pelajar. Bagi mengatasi masalah ini, KPM telah melaksanakan program rintis Kelas Bermasalah Pembelajaran Ringan (KBPR) pada tahun 2004. Pada tahun 2006, program ini diganti dengan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) bagi pelajar-pelajar Tahun Satu. Pelajar yang tidak melepasi standard yang ditetapkan akan mengikuti Kelas Pemulihan ini. Cabaran kepada pihak KPM adalah untuk meminimumkan defisit akademik (Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).


Guru-guru yang mengajar mata pelajaran lain seperti mata pelajaran Muzik, Seni dan Pendidikan Jasmani turut terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KIA2M. Tujuannya untuk membantu murid-murid KIA2M dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis menerusi penerapan nilai dan kemahiran

mengikuti minat murid. Bagi mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, murid-murid KIA2M akan mengikuti sukatan pelajaran seperti murid-murid Tahun Satu yang lain.

Objektif setelah tamat mengikuti Program KIA2M ini, sekurang-kurangnya diharapkan murid KIA2M dapat mengenal abjad dengan cepat dan membaca perkataan serta ayat dengan sebutan yang betul. Bukan itu sahaja, diharapkan juga program ini dapat meningkatkan keyakinan diri murid-murid dan minat untuk belajar. Oleh itu konsep pengajaran bahasa Melayu merentas kurikulum mestilah dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan strategi penggabung jalinan. Subjek-subjek Pendidikan Jasmani Kesihatan, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni digabungjalinkan dengan kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya program ini dijalankan selama 3 atau 6 bulan. Masa yang dijalankan merupakan pilihan yang dibuat oleh sekolah. Selain itu juga semua murid Tahun Satu akan mengikuti ujian penapisan. Ujian ini merupakan ujian yang terpenting bagi mengetahui murid-murid yang tidak menguasai kemahiran asas iaitu kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Murid yang lulus akan meneruskan kelas biasa manakala murid yang gagal, mereka akan ditempatkan dalam program ini.

Carta Aliran Proses Pelaksanaan Program KIA2M



Rajah 1.1 Carta Aliran Proses Pelaksanaan Program KIA2M

2.6 Peranan Pihak Pentadbir, Guru dan Ibu Bapa

Dalam proses membaca dan belajar membaca terdapat beberapa pihak yang terlibat. Justeru peranan pihak-pihak yang terlibat dalam proses ini perlu diketahui.

2.6.1 Peranan Pihak Pentadbir Sekolah

Membaca berkait rapat dengan guru dan ibu bapa. Di sekolah, pihak pentadbir sekolah dan guru-guru memainkan peranan penting dalam mendidik anak bangsa untuk menimba ilmu. Pihak pentadbir sekolah bertanggungjawab menyediakan suasana pembelajaran yang baik dan sesuai untuk murid-murid. Bilik darjah yang lengkap dengan segala bentuk kemudahan memberi keselesaan kepada murid-murid untuk belajar. Persekitaran ini dapat membantu murid untuk lebih bersemangat dan rajin ke sekolah.

Bahan bacaan yang sesuai untuk digunakan oleh murid-murid haruslah disediakan di sekolah dengan sokongan pihak pentadbir. Ini membolehkan murid-murid menggunakan bahan bacaan untuk membaca ketika mempunyai masa lapang di dalam mahupun di luar kelas. Dengan ini, para pelajar tidak akan membazir masa dengan bermain bersama kawan-kawan sepanjang masa di sekolah.

Selain itu, pihak pentadbir juga bertanggungjawab dalam menyediakan alat bantu mengajar yang sesuai agar dapat membantu guru-guru mengajar murid-murid KIA2M dengan lebih berkesan. KPM telah menyediakan peruntukan yang banyak lebih lagi bagi menyediakan peralatan seperti komputer riba dan alat pemancar. Selain itu ada juga sekolah telah disediakan televisyen pendidikan atau televisyen pendidikan melalui siaran Astro. Malah lebih menguntungkan ada sekolah yang mendapat perkhidmatan internet.

2.6.2 Peranan Guru

Pengajaran bahasa di dalam bilik darjah merupakan satu tugas amali yang agak rencam. Guru perlu mempunyai pengetahuan asas dalam disiplin ilmu seperti linguistik, psikologi dan sosiologi bagi menyelesaikan masalah pembelajaran. Perkembangan dalam disiplin ilmu yang berkaitan dengan pengajaran bahasa menghasilkan arus pembaharuan dalam pendekatan pengajaran bahasa. Lazimnya, sesuatu pendekatan yang baharu tidak dapat diterima oleh kebanyakan guru jika mereka tidak memahami pendekatan itu. Tuan Jah Tuan Yusof, (2010) menyatakan guru bahasa Melayu perlu mengetahui dan arif tentang pendekatan pengajaran bahasa Melayu yang mutakhir yang merangkumi kecekapan berbahasa, menguasai sistem tatabahasa dan berkebolehan menggunakan bahasa yang sesuai dengan konteks dan sosiobudaya. Ishak Ramly (2006), pula menyatakan seseorang guru sebenarnya membimbing murid apabila beliau menerangkan sesuatu secara lisan mahupun menulis di papan hitam atau menyuruh murid membaca. Oleh itu, seorang guru dikatakan memainkan peranan dalam memilih kaedah-kaedah yang sesuai bagi membantu murid-murid untuk membaca.

Yasmin, (2011) menyarankan Pengajaran sebagai proses penyampaian kemahiran motivasi, pengurusan bilik darjah, pentadbiran dan penilaian. Guru hendaklah memastikan bahawa pengajarannya adalah efektif dan murid boleh memahami apa yang diajar. Sebelum pengajaran berlaku, guru hendaklah menentukan matlamat dan objektif yang hendak disampaikan kepada murid-murid. Kemudian barulah menentukan kesediaan belajar murid. Guru juga hendaklah menentukan strategi pengajaran dan akhir sekali menilai semula. Bagi seorang guru yang baik, setiap murid akan diperhatikan perubahan diri bagi memastikan keberkesanan pengajarannya. Semasa pengajaran, guru mestilah melaksanakan strategi dan prosedur pengajaran. Selepas pengajaran, guru menilai semula keberkesanan

strategi pengajaran, kemudian menentukan semula kesediaan murid dan membuat pengubahsuaian (nota Taklimat KIA2M).

Peranan pengajaran dan pembelajaran yang sama boleh menyebabkan murid-murid berasa bosan untuk belajar dan tidak minat untuk meneruskannya. Oleh itu, menjadi tugas guru untuk sentiasa mengubah kaedah pengajaran agar murid-murid sentiasa berasa seronok untuk belajar. Guru yang ingin mengekalkan minat dan kecenderungan pelajar perlulah mengendalikan kelas mereka dengan cekap dan giat serta mempelbagaikan kandungan pengajarannya. Oleh itu, seorang pentaksir dan guru memainkan peranan yang penting selain ibu bapa mereka.

Menurut Roselan (2003), kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru sebagai pelaksana kurikulum perlu mengambil berat tentang objektif kurikulum yang digubal bagi membolehkan hasrat kerajaan tercapai. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh guru dikesan oleh Abdullah Hassan (2004), menurut beliau guru-guru menghadapi masalah mengajarkan Sukatan Bahasa Melayu 2003 kerana guru tidak terlatih dalam sukatan baharu yang mengandungi kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), dan kemahiran bernilai tambah (KBT) dalam pengajaran bahasa Melayu. Oleh sebab itu mereka menggunakan pengalaman dan maklumat peribadi dan tidak berdasarkan ilmu komunikasi interpersonal sebenar.

2.6.3 Peranan Ibu bapa

Tidak dapat dinafikan ibu bapalah memainkan peranan yang sangat penting bagi menggalakkan kanak-kanak membaca. Pembacaan adalah kunci khazanah ilmu (Isahak Haron: 2007). Oleh itu, pembacaan awal haruslah dipupuk oleh ibu bapa bagi menyediakan kanak-kanak untuk pembacaan formal sebelum mereka memasuki sekolah rendah seterusnya bersaing dengan pelajar lain seumur dan sebaya dengannya. Kanak-kanak yang dapat membaca awal sebelum bersekolah dan didedahkan dengan buku-buku bacaan yang baik dapat menguasai ilmu dengan mudah dan terkehadapan dengan pembelajaran (Nik Eliani Nik Nawi, 1996).

Kajian Durkin (1996) menyatakan tentang kanak-kanak yang sudah cekap membaca walaupun masih berada di dalam kelas tadika mendapati bahawa faktor utama yang mendorong mereka cepat dan lancar membaca ialah jumlah bahan bacaan yang mencukupi yang disediakan oleh ibu bapa. Selain itu, ibu bapa haruslah menanam minat membaca dalam kalangan anak-anak mereka sejak kecil lagi. Antaranya meluangkan masa bersama-sama untuk membaca dan bercerita bersama mereka. Membelikan bahan bacaan yang sesuai untuk menarik minat membaca di samping membantu anak-anak mengeja dan membaca. Oleh itu, kesedaran perlu ada pada ibu bapa untuk membolehkan anak-anak mereka membaca agar tidak menjadi mangsa buta huruf dan memainkan peranan mereka di rumah.

Trelease (1996), pula berpendapat membaca nyaring kepada anak-anak boleh mendatangkan banyak faedah. Ibu bapa yang membaca kuat kepada anak bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran membaca anak-anak mereka tetapi kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan dengan kemahiran membaca. Antara lain, ibu bapa dapat meningkatkan

daya mental anak-anak mereka dengan meluaskan konsep, perbendaharaan kata serta meluaskan ilmu pengetahuan dan pemikiran.


Tiada galakkan, bimbingan dan sokongan daripada ibu bapa di rumah untuk membantu anak-anak mereka, secara tidak langsung menyebabkan murid-murid ini lemah dan gagal untuk membaca dan menulis (Safiah Osman, 1990). Hansen (1969) dalam kajiannya telah menyatakan empat faktor membaca yang berkaitan dengan persekitaran rumah. Antaranya ialah :

- i) Terdapat atau tidak bahan bacaan yang sesuai di rumah.
- ii) Masa yang diperuntukkan bagi membaca kepada kanak-kanak.
- iii) Masa yang diperuntukkan bagi membimbing dan menggalakkan kanak-kanak membaca.
- iv) Sama ada ibu bapa menjadi contoh atau model yang baik kepada kanak-kanak.

Maka tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting bagi menggalakkan kanak-kanak membaca dan secara tidak langsung menyediakan suasana membaca di rumah.

2.7 Pembentukan Kerangka Teoritikal dan Konseptual

Dagostino dan Carifo (1994) telah membina sebuah model pemahaman membaca dan penilaian yang lebih komprehensif seperti dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1: Model penilaian pemahaman membaca

Sumber: Dagostino dan Carifo (1994)

Dalam Model Penilaian Pemahaman Membaca Dagostino dan Cafirol (1994), menunjukkan kebolehan intelektual berasaskan literasi, pemahaman dan inferensi. Dalam kajian ini akan diteliti kumpulan asas responden berasaskan literasi, pemahaman dan inferensi. Responden akan diwakili oleh kumpulan yang telah dipilih daripada tiga kategori iaitu Tadika Swasta, Tadika KEMAS dan Prasekolah. Setiap responden telah ada tiga komponen sedia ada iaitu Dapatan Mesej, Kebolehan Intelektual dan Pengetahuan atau Pengalaman. Pada peringkat membaca 'teks' merupakan peringkat responden menduduki ujian berinteraksikan lisan. Seterusnya iaitu peringkat 'Interpretasi', responden akan menjawab soalan dalam kertas jawapan setelah menjawabnya secara lisan. Seterusnya peringkat 'Penilaian' akan dialami oleh responden dengan menilai sendiri kebolehan atau kegagalan dirinya membaca. Namun berikutan responden masih lagi kecil kebolehan membaca ini dinilai oleh guru. Secara terperinci diterangkan seperti berikut:

1. Responden membaca teks (Soalan) dengan tujuan untuk mendapatkan maksud yang terkandung dalam teks (Soalan) tersebut. Komponen utama yang terdapat di dalam Rajah 2.1 merupakan satu proses yang akhirnya akan membantu responden memahami teks (Soalan) dengan lebih bermakna. Komponen-komponen tersebut memberikan gambaran bahawa responden semasa membaca. Oleh itu, keperluan menggunakan kognitif diberikan penekanan dalam model ini.
2. Perolehan Mesej, Interpretasi Mesej dan Penilaian Mesej berlaku secara horizontal. Proses tersebut berupaya membantu penguasaan mesej secara bebas dan saling bergantung. Mesej yang diperolehi merujuk kepada pemahaman literal dan proses bersifat inferens berdasarkan pengalaman langsung, pengetahuan khusus dan umum, serta penaakulan. Dapatan mesej melalui proses ini berkaitan dengan kiu soalan yang membaca mesej tertentu dan membentuk gambaran seperti yang dibentuk oleh penguji dan difahami oleh responden.
3. Tiga bulatan dan segi empat mewakili interaksi antara pengetahuan dan pengalaman, sikap, pembawaan, kebolehan intelektual dan kematangan. Hubungan

ini mempengaruhi pemahaman, interpretasi dan penilaian responden terhadap teks (Soalan) yang dibaca.

4. Setiap subkomponen proses membaca mempunyai matlamat yang berbeza. Subkomponen mesej yang diperoleh menggambarkan yang mesej difahami dan membayangkan rumusan yang boleh dibina oleh responden. Interpretasi mesej dan penilaian pula merupakan respons pembaca dan bersifat personal, subjektif atau objektif berdasarkan tujuan dan penilaian teks yang dilakukan.
5. Membuat interpretasi teks memainkan peranan penting dalam model ini. Ini disebabkan penilaian akan membentuk pemahaman. Pengetahuan sedia ada responden terhadap teks yang dibaca boleh menggambarkan secara keseluruhannya membaca secara bermakna. Oleh itu, melalui model pemahaman membaca ini, semua komponen mempunyai fungsi dan peranan khusus bagi membantu penilaian membaca dapat dilakukan. Model ini berkaitan dengan kajian yang dijalankan berasaskan kepada wujudnya keperluan pembaca untuk menilai teks yang dibaca.

Analisis kesilapan bahasa merupakan kajian terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid dalam mempelajari bahasa. Kesalahan-kesalahan itu wujud kerana pelajar-pelajar belum dapat menguasai rumus-rumus tata bahasa yang dipelajarinya. Kajian kesalahan bahasa ialah analisis kesalahan bahasa berdasarkan perhitungan kekerapan kesilapan aspek-aspek tertentu dalam komponen bahasa.

Dalam hal ini, Corder (1974:130) telah membuat kajian yang teliti dan beliau telah mengkategorikan bentuk bahasa yang salah dihasilkan oleh pelajar sebagai kesilapan kemampuan dan kesilapan penampilan (dalam Ng Mei Ling 2006). Terdapat perbezaan antara kesilapan kemampuan dan kesilapan penampilan. Kesilapan kemampuan bererti pelajar memang belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakan. Kesilapan jenis ini biasanya berlaku secara konsisten dan sistematik serta berlaku dalam tempoh yang

agak lama apabila tidak dibetulkan. Kesilapan ini dikatakan merupakan pemahaman murid terhadap sistem bahasa yang dipelajarinya. Apabila tahap pemahaman murid lemah, maka kesilapan sering terjadi dan apabila tahap pemahaman semakin tinggi kesilapan yang dilakukannya akan berkurangan. Hal ini disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda, bahasa sasaran dan faktor-faktor sociolinguistik yang lain.

Kesilapan penampilan tidak menandakan satu kecacatan pengetahuan bahasa pada seseorang kerana kesilapan itu wujud secara rawak dan tidak sistematik. Kewujudan kesilapan ini mungkin disebabkan oleh murid itu terlupa, keadaan psikologi seperti emosi kuat dan timbulnya kekeliruan. Kekeliruan ini bersifat sementara dan mungkin terjadi pada setiap peringkat linguistik. Kekeliruan biasanya dapat diperbaiki oleh murid sendiri apabila dia sedar atau pemerhatian yang sewajarnya diberikan kepada pembelajaran. Ini adalah kerana kesilapan ini bukan akibat daripada faktor kecacatan dan pengetahuan tentang peraturan bahasa tersebut. Pelajar sebenarnya sudah mengetahui sistem linguistik bahasa yang digunakannya. Namun demikian oleh sebab sesuatu hal yang tertentu dia mungkin terlupa. Kesilapan penampilan ini mungkin dilakukan oleh penutur-penutur asli akibat daripada keletihan, terkejut dan tekanan (dalam Ng Mei Ling, 2006).

Teori Analisis Kesilapan Pit Corder iaitu teknik untuk mengukur kemajuan dalam pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid. Menurut Corder (1981), kesilapan adalah suatu elemen yang penting sebagai bukti untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran bahasa seseorang. Pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan jika strategi pembelajaran seseorang murid yang boleh membantu proses pengajaran bahasa tersebut dapat dikenal pasti. Beliau menjelaskan lagi bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tidak hanya mengimplikasikan penemuan

dan mengenal pasti kesalahan tersebut, tetapi juga menjadi penerangan kepada punca-punca psikologikal yang menyebabkan kesilapan tersebut dilakukan.

2.8 Rumusan

Sehingga bulan Februari 2010, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Mahyuddin Yassin mendedahkan 60% orang murid tahap satu di sekolah rendah seluruh negara masih belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis. Masalah ini sangat membimbangkan dan gejala ini berterusan ke sekolah menengah. Keadaan yang berlaku terus berlarutan dan semua pihak perlu bekerjasama bagi membendung masalah ini.

BAB 3

KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah kuantitatif digunakan bagi memungut data menggunakan satu set soalan yang telah disediakan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) sebagai fokus kajian dan satu set soalan berkaitan latar belakang responden secara ringkas. Berikutan responden masih lagi kecil dan berada pada tahap paling bawah dalam penguasaan membaca, pengkaji menggunakan kaedah menjawab soalan penulisan dengan interaksikan lisan. Penyelidik menyoal murid manakala murid menjawab secara lisan dan menulis jawapan di atas kertas jawapan yang disediakan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan ini pada keseluruhannya merupakan penganalisan data iaitu analisis data ujian formatif berinteraksikan lisan dan soal selidik ringkas yang bertujuan mengenal pasti dengan lebih dekat tahap kecelaruan berbahasa Melayu dalam kalangan murid KIA2M di sekolah yang dikaji dengan memberi fokus kecelaruan semasa membaca set Ujian Diagnostik.

Kecelaruan membaca dianalisis mengikut jenis-jenis kecelaruan yang dikenal pasti dengan menghitung kekerapan dan peratusan kecelaruan yang dilakukan dalam ujian. Hasil jawapan murid akan dikumpulkan untuk dianalisis dengan menggunakan '*Statistical Package for Social Science*' (*SPSS 11.5 for Windows*) berpandukan konstruk atau kemahiran yang telah diklasifikasikan mengikut objektif kajian. Berdasarkan SPSS versi

11.5 ini juga, dapat menghasilkan kepelbagaian taburan data dengan menggunakan arahan 'Crosstab'. Arahan 'Crosstab' membolehkan pengguna menghasilkan sesuatu ukuran perhubungan antara dua pemboleh ubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala dan pelbagai hala. Jadual yang terhasil dinamakan 'Crosstabulation'. Dengan menggunakan arahan ini juga analisis statistik korelasi dan analisis 'Chi-square', 'Eta' dan sebagainya boleh dihasilkan. Namun dalam kajian ini cukup diambil kira perbezaan peratusan dan kekerapan sahaja.

Klasifikasi konstruk pula dibuat berdasarkan saranan Teori Analisis Kesilapan Pit Corder (1981) yang menyatakan kemajuan dalam pembelajaran bahasa dapat diukur dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid. Klasifikasikan 'Betul' dan 'Salah' dibuat berdasarkan klasifikasi yang ditetapkan oleh arahan secara automatik dalam SPSS. Selain itu, kajian ini mengambil kira faktor pengalaman formatif murid dari sekolah asal atau pendidikan awal sebagai mana Model Penilaian Pemahaman Membaca dan Penilaian Sumber oleh Dagostino dan Carifo (1994) menyatakan penguasaan mesej berasaskan komponen model yang wujud secara bebas dan saling bergantung. Hubungan ini mempengaruhi pemahaman, interpretasi dan penilaian pembaca terhadap teks yang dibaca.

3.2 Kajian Rintis

Kajian rintis atau pra ujian dilakukan ke atas 5 orang pelajar sebelum keputusan melakukan ujian sebenar. Responden dipilih secara rawak oleh guru kelas yang dirasakan dapat membantu kajian tanpa memberikan masalah terutamanya masalah kehadiran ke sekolah dan masalah sikap peribadi murid iaitu tidak memberi respon ketika diberi soalan. Pada

peringkat ini, penyelidik menyediakan satu set soalan yang dibina sendiri berbanding keadaan sebenar menggunakan set ujian yang disediakan oleh PPK. Keputusan ujian set sendiri yang dilakukan kurang menepati kemahiran yang hendak diuji berbanding set yang disediakan PPK menepati kemahiran yang hendak ditanya dan kemahiran yang akan diajar. Kesahihan ujian yang dibina sendiri dibandingkan dengan set ujian PPK menunjukkan set ujian PPK lebih baik kerana set ujian PPK menjuruskan kepada kemahiran sebenar.

Kajian rintis yang dilakukan secara ujian tanpa interaksi lisan diubah kepada ujian berinteraksikan lisan semasa set ujian PPK sebenar. Pada peringkat ujian rintis, responden dibekalkan soalan dan responden akan menjawab soalan secara bersendirian akibatnya terlalu banyak soalan yang tidak dapat dijawab oleh responden. Banyak soalan ditinggalkan begitu sahaja tanpa menulis apa-apa jawapan. Sebaliknya dengan bantuan atau interaksi lisan seorang demi seorang, hasil ujian lebih baik dan lebih sahih. Ujian dilakukan di dalam kelas dengan diperhatikan oleh guru kelas. Guru kelas turut melakukan catatan bagi membantu dirinya membuat analisis sendiri.

Hasil daripada kajian rintis penyelidik telah membuat beberapa perubahan termasuk kaedah yang akan digunakan. Hasil kajian ini juga menunjukkan ramai murid tidak menjawab soalan dan soalan dibiarkan begitu sahaja. Kes ini melibatkan sikap peribadi murid itu sendiri. Penyelidik mengambil pendekatan membuat ujian berinteraksikan lisan berdasarkan set ujian PPK dan keputusan yang diperolehi lebih menunjukkan kecelaruan yang dilakukan. Penyelidik juga menerangkan kepada guru rasional mengadakan ujian berinteraksikan lisan seperti yang dirancangkan dan guru kelas amat bersetuju dengan cadangan tersebut biarpun memakan masa yang agak panjang.

3.3 Responden

Kajian ini melibatkan semua murid Tahun Satu sesi 2011 di sekolah kajian. Keseluruhan murid Tahun Satu berjumlah 220 orang. Seramai 25 orang yang terpilih dan disatukan dalam sebuah kelas. Berikutan terdapat masalah kehadiran ke sekolah melibatkan tiga orang murid, seramai 22 orang murid sahaja dijadikan responden. Responden dilihat secara terperinci dengan pemantauan secara lebih dekat terhadap kecelaruan melibatkan perbezaan faktor-faktor yang dibincangkan dalam objektif kajian. Penyelidik memilih murid ini kerana penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Melayu dengan menganalisis kecelaruan membaca mereka berdasarkan ujian yang diduduki.

Responden mendapat pendidikan awal daripada tempat yang berbeza. Sebanyak tiga kategori tempat telah dikelaskan iaitu Prasekolah Kerajaan, Tadika KEMAS dan Tadika swasta. Berikutan pendidikan awal yang berbeza, penyelidik ingin melihat murid dalam kalangan kategori yang manakah paling banyak mengalami kecelaruan membaca bahasa Melayu.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan set soalan Ujian PPK. Murid menjawab soalan penulisan dengan berinteraksikan lisan bersama guru. Set Soalan Lisan pula ditanyakan kepada murid berkaitan dengan maklumat peribadi murid itu sendiri seperti tempat tinggal, pekerjaan ibu bapa dan nama sekolah tadika manakala maklumat tentang pendapatan ibu bapa dan pendidikan ibu bapa diperolehi daripada Sistem Maklumat Murid (SSM).

3.4.1 Set Ujian PPK

Murid akan diberikan Ujian berdasarkan soalan yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Soalan ini bermula dengan Ujian Penapisan oleh pihak sekolah seawal bulan Januari dan diikuti dengan Ujian Diagnostik (Set Ujian PPK). Set Ujian ini disediakan oleh PPK dan diduduki oleh murid pada bulan Mac. Tahap pencapaian murid akan ditentukan berdasarkan keputusan ujian tersebut. Seramai 220 orang murid terlibat dalam Ujian Diagnostik ini. Setelah ujian dijalankan, keputusan pencapaian murid akan menentukan murid terlibat dengan kelas KIA2M ataupun tidak.

Tahap pencapaian murid ditentukan dengan skala berikut:

- a. A = 80 – 100
- b. B = 60 – 79
- c. C = 40 – 59
- d. D = 20 – 39
- e. E = 1 – 20

Tujuan pengelasan ini dibuat untuk menentukan tahap kemampuan murid. Murid yang melebihi tahap tertentu akan dikelaskan dalam kumpulan tertentu. Murid yang melebihi kelayakan ialah murid yang mencapai tahap B iaitu mendapat markah 60-79. Bagi murid yang gagal melebihi tahap yang dikehendaki akan terus menduduki kumpulan KIA2M seperti dalam Carta 1.1. Dalam kumpulan inilah murid akan terus diajar mengikut tahap pencapaian berpandukan modul yang dibekalkan.

Selain pengelasan mengikut pencapaian, peratusan setiap individu akan dilihat satu demi satu. Ujian ini akan diperiksa untuk melihat kecelaruan mengikut konstruk yang telah diklasifikasikan menepati kemahiran yang ditetapkan oleh pihak KPM. Setiap konstruk

mengandungi lima soalan dan sebanyak 11 konstruk ditetapkan berdasarkan tahap minimum penguasaan membaca semasa memasuki Tahun Satu. Setiap soalan ditandakan betul atau salah. Terdapat lima pemboleh ubah yang akan dilihat secara serentak dengan 11 konstruk yang telah ditentukan. Analisis Data Berkoputer '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS Versi 11.5) telah digunakan. Kemudahan yang digunakan ialah '*Crosstab*' bagi melihat keadaan taburan data yang pelbagai berdasarkan pemboleh ubah yang dipilih. Setelah arahan '*Crosstab*' masukkan ke dalam sistem, data dijana secara automatik. Sebanyak enam kategori nilai telah diterbitkan . Nilai-nilai itu telah dikategorikan seperti berikut:

1. Semua Betul

'Semua Betul' menunjukkan kekerapan murid menjawab dengan betul semua soalan daripada jumlah lima soalan yang ditanya dalam setiap konstruk.

2. Betul

'Betul' menunjukkan murid menjawab tiga betul daripada lima soalan yang ditanya dalam setiap konstruk.

3. Hampir Betul

'Hampir Betul' menunjukkan murid menjawab hanya dua betul daripada lima soalan yang ditanya dalam setiap konstruk.

4. Hampir Salah

'Hampir Salah' menunjukkan murid menjawab hanya dua salah daripada lima soalan yang ditany dalam setiap konstruk.

5. Salah

'Salah' menunjukkan murid menjawab tiga salah daripada lima soalan yang ditanya dalam setiap konstruk.

6. Semua Salah

'Semua Salah' menunjukkan kekerapan murid menjawab dengan salah semua soalan daripada jumlah lima soalan yang ditanya dalam setiap konstruk.

Seterusnya nilai berbentuk kekerapan dan peratusan yang diperolehi secara automatik akan digunakan dalam melihat perbezaan pencapaian mengikut kepelbagaian pemboleh ubah dengan nilai kekerapan dan peratusan kecelaruan membaca.

3.4.2 Soalan Lisan

Penyelidik menanyakan beberapa soalan lisan kepada responden yang terlibat bagi membantu penyelidik membuat analisis yang berkaitan rapat dengan profil responden itu sendiri. Semua responden ditanyakan soalan lisan berbentuk struktur iaitu soalan tertutup yang mudah dijawab oleh responden. Soalan-soalan ini ditanya secara lisan dan penyelidik akan membuat catatan kerana responden masih lagi tidak mahir membaca dan menulis. Penyelidik juga mendapatkan data profil peribadi responden daripada guru kelas bagi membuat padanan dengan jawapan responden. Data profil ini akan dibandingkan dengan jawapan responden agar ketepatan data dapat dinilai dan disesuaikan dengan objektif penyelidikan. Maklumat ini banyak membantu penyelidik untuk membuat penentuan kumpulan murid.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan dengan kaedah mengumpul data numerika daripada hasil ujian penulisan berinteraksikan lisan. Dalam ujian penulisan berinteraksikan lisan ini semuanya berdasarkan keputusan soalan Ujian Diagnostik yang dibekalkan oleh PPK, ujian telah dijalankan terhadap responden secara seorang demi seorang. Masa yang diambil ialah selama 1 jam sehari dan keseluruhan masa yang diambil untuk menghabiskan ujian ini selama 2 minggu. Kajian yang dilakukan terhadap responden turut dijadikan panduan guru

pemulihan untuk membantunya menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran mingguan dan harian. Berikutan dengan itu, guru kelas yang berkaitan memberi sokongan yang positif kepada penyelidik.

3.5.1 Prosedur Mendapatkan Maklumat

Kebenaran dipohon daripada guru kelas bagi mendapatkan data murid setelah kelulusan diberikan oleh pihak pentadbiran sekolah. Data untuk kajian ini diperoleh daripada kekerapan kecelaruan membaca pelajar daripada Ujian Diagnostik. Ujian Diagnostik telah dijalankan pada bulan Mac seperti yang telah ditetapkan oleh pihak PPK. Setelah selesai ujian dijalankan guru kelas menanda kertas soalan murid dan penyelidik mendapatkan salinan setelah semuanya selesai.

3.5.2 Penentuan kecelaruan

Penentuan kecelaruan adalah berdasarkan apa yang hendak dikaji, namun bergantung juga kepada jenis soalan yang ditanya berikutan soalan disediakan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Taburan bentuk soalan adalah bebas walaupun tidak jauh lari daripada apa yang hendak dikaji. Soalan yang diukur telah mendapat persetujuan di peringkat kebangsaan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Kecelaruan ditentukan dengan mengumpulkan 5 soalan dalam satu konstruk dan dalam satu set soalan telah dikenal pasti terdapat 11 konstruk yang berbeza. Penentuan kekerapan kecelaruan dibuat berdasarkan analisis *SPSS (Statistical Package for Social Science)* dengan menggunakan 'crosstab'. 'Crosstab' digunakan untuk memudahkan

pengiraan jumlah kekerapan dan peratusan pemboleh ubah. Tambahan pula setiap pemboleh ubah mempunyai beberapa pecahan dan tahap pencapaian juga dipecahkan kepada beberapa tahap seperti yang dikehendaki oleh penyelidik.

Kecelaruhan-kecelaruhan yang ditumpukan dalam kajian ini berkait rapat dengan ejaan kerana murid tidak boleh membaca berikutan lambat menyebut dan mengeja. Kecelaruhan dikesan dengan melihat:

1. Keupayaan membaca suku kata terbuka.
2. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata terbuka.
3. Keupayaan membaca suku kata tertutup.
4. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup.
5. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng'.
6. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi diftong.
7. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi vokal berganding.
8. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi difgraf dan konsonan bergabung.
9. Keupayaan membaca perkataan berimbuhan awalan dan akhiran.
10. Keupayaan membaca ayat mudah.
11. Keupayaan membaca dan memahami ayat mudah.

Setiap soalan akan ditanda betul atau salah terlebih dahulu bagi mendapatkan peratusan pencapaian individu. Penyelidik akan membuat perincian dengan membezakan setiap kesalahan supaya berada dalam satu konstruk yang sama. Cara penandaan adalah seperti berikut:

- 1.Keupayaan membaca suku kata terbuka (SUKUTER)
- 2.Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata terbuka(PERTER)

3. Keupayaan membaca suku kata tertutup(SUKUTUP)
4. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup(PERTUP)
5. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng'(PERNG)
6. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi diftong(PERDIF)
7. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi vokal berganding(VOGAN)
8. Keupayaan membaca perkataan yang mengandungi difgraf dan konsonan bergabung(DIFKON)
9. Keupayaan membaca perkataan berimbuhan awalan dan akhiran(IMBUH)
10. Keupayaan membaca ayat mudah(AYMUD)
11. Keupayaan membaca dan memahami ayat mudah (FAHAM)

Data dikumpul dan dimasukkan ke dalam jadual untuk memudahkan pengkaji membaca data. Kertas jawapan pelajar dikembalikan kepada guru yang bertanggungjawab setelah dibuat salinan. Cara berbuat demikian memudahkan penyelidik dengan tidak mendedahkan nama individu tertentu yang terlibat.

3.6 Pemprosesan dan Penganalisan Data

Data yang diperoleh daripada ujian penulisan secara interaksi lisan berpandukan set ujian PPK diproses menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for Social Science)*. Analisis diskriptif digunakan bagi melihat data perbezaan secara terus antara pemboleh ubah. Data ini dibaca secara bilangan kekerapan dan peratusan bagi memudahkan pemahaman penyelidik dan pembaca.

Arahan 'Crosstab' digunakan bagi melihat taburan kekerapan dan peratusan antara pemboleh ubah. Taburan ini dibaca dalam bentuk bilangan dan peratusan supaya mudah

difahami. Keputusan yang diperolehi secara bilangan kekerapan dan peratus jelas memenuhi kehendak objektif kajian iaitu melihat bilangan peratusan murid yang mengalami kecelaruan semasa membaca bahasa Melayu. Keputusan ini juga dapat memenuhi objektif seterusnya iaitu perbandingan kecelaruan yang paling kerap dilakukan oleh murid semasa membaca bahasa Melayu.

3.7 Rumusan

Kajian ini dijalankan secara penulisan berinteraksikan lisan bagi membantu penyelidik mendapat maklumat sebenar dalam ujian membaca. Pada tahap ini, responden membaca tanpa memikirkan makna yang tersirat. Responden lebih suka membaca secara kuat berbanding secara senyap. Responden menulis jawapan secara mengeja semula perkataan yang dibacakan.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan

Kajian ini dibuat berdasarkan kecelaruan yang dihadapi oleh responden semasa membaca Ujian Diagnostik bahasa Melayu Tahun Satu. Meskipun sebuah sekolah sahaja dikaji akan masalah ini, namun kecelaruan yang dihadapi adalah hampir sama di semua sekolah yang lain lebih lagi sekiranya persekitaran dan kemudahan pembelajarannya sama.

Masalah yang hendak dikaji ialah kecelaruan atau masalah semasa membaca. Justeru, kajian dibuat secara ujian penulisan berinteraksikan lisan terhadap responden dengan bantuan guru kerana ujian penulisan berinteraksikan lisan ini berkait rapat dengan kemahiran yang hendak diuji. Setiap responden yang diuji akan disoal oleh guru secara seorang demi seorang dengan kata lain responden menjawab soalan penulisan berinteraksikan lisan dengan bantuan guru sebagai pembaca soalan dan pada masa yang sama responden akan menulis jawapan di atas set soalan yang disediakan. Terdapat 11 kemahiran yang diuji mengikut keperluan yang sepatutnya dikuasai oleh setiap responden yang akan menjejaki Tahun Satu. Dalam setiap satu kemahiran terdapat lima soalan yang akan ditanya kepada responden. Kertas jawapan responden akan ditandakan oleh guru dan dianalisis jumlah betul dan salah secara peratusan.

4.1 Rumusan Profil Responden

Pemboleh ubah		Bilangan Kekerapan dan Peratus	
		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	11	50
	Perempuan	11	50
Keputusan Ujian Diagnostik	1-20 (E)	3	13.6
	21-39 (D)	4	18.2
	40-59 (C)	4	18.2
	60-79 (B)	7	31.8
	80-100(A)	4	18.2
Pendidikan Awal Murid	Prasekolah	2	9.1
	Tadika KEMAS	7	31.8
	Tadika Swasta	13	59.1
Pendapatan Ibu Bapa	Kurang RM800	5	22.7
	Kurang RM2500	14	63.6
	Lebih RM2500	3	13.6
Tempat tinggal	Kampung	4	18.2
	Rumah Pangsa	10	45.5
	Kawasan Taman	8	36.4
Pendidikan Ibu Bapa	Menengah Rendah	5	22.7
	Menengah	11	50
	Ijazah dan ke atas	4	18.2

Jadual 4.1 Profil Responden

Bilangan responden yang dikaji seramai 22 orang. Seramai 11 orang lelaki dan 11 orang perempuan yang terlibat. Jumlah ini telah mewakili 88% daripada jumlah keseluruhan responden yang terlibat dengan kelas KIA2M. Jumlah keseluruhan murid di dalam kelas yang terlibat ialah 25 orang tetapi kedatangan pada setiap hari tidak penuh menyebabkan kajian ini dibuat dengan jumlah 22 orang sahaja. Seramai 3 orang murid lagi menghadapi masalah kedatangan ke sekolah jadi mereka kurang sesuai dijadikan responden kajian. Jumlah 22 responden ini sangat sesuai kerana jumlah bilangan jantinya sama dan memudahkan membuat pengiraan.

Ujian Diagnostik memperlihatkan responden yang mendapat markah 1-20 atau gred E seramai 3 orang mewakili 13.6%. Responden ini mengalami masalah keliruan membaca pada peringkat yang kritikal. Mereka tidak dapat mengenal sesetengah abjad dengan baik. Responden yang mendapat markah 21-39 atau mendapat gred D pula seramai 4 orang mewakili 18.2%. Begitu juga bagi responden yang mendapat markah 40-59 atau gred C bilangan responden berkenaan pula seramai 4 orang mewakili 18.2%. Kumpulan ini adalah yang terbanyak didapati di sekolah. Mereka ini sederhana dalam keputusan dan boleh meningkat serta merosot pada bila-bila masa sahaja. Menurut A. Chellamal Bagavathy (2005) pencapaian membaca murid boleh kurang disebabkan oleh beberapa faktor iaitu murid itu sendiri, sikap negatif murid yang kurang minat, dan strategi pengajaran guru. Murid banyak bergantung kepada orang lain untuk belajar lebih lagi kepada guru kelas. Responden yang mendapat markah 60-79 atau gred B seramai 7 orang mewakili 31.8%. Manakala bagi responden yang mendapat gred A atau markah 80-100 sebanyak 4 orang mewakili 18.2%. Kumpulan yang mendapat gred A ini melakukan kesalahan pada kemahiran yang agak susah dan sememangnya sudah dijangkakan oleh guru. Mereka kadang-kadang ingat dan kadang lupa apa yang sudah mereka pelajarinya.

Pendidikan awal responden diperoleh daripada umur sebelum menduduki Tahun Satu iaitu sebelum umur tujuh tahun. Tiga kategori responden di kelaskan. Prasekolah bermaksud responden yang bersekolah di Prasekolah Kerajaan. Responden bersekolah di sekolah Tadika KEMAS dikelaskan dalam satu kategori dan selain itu responden dikelaskan sebagai responden bersekolah di Tadika Swasta. Berdasarkan jadual 4.1 jelas menunjukkan minat ibu bapa menghantar anak mereka ke Tadika Swasta. Jumlah ibu bapa yang menghantar anak ke Tadika Swasta melebihi sebahagian daripada jumlah keseluruhan jumlah responden. Ibu bapa kurang berminat untuk menghantar anak mereka ke Tadika KEMAS mahupun Prasekolah.

Dilihat daripada pendapatan ibu bapa, tiga kategori pendapatan dikelaskan kerana terdapat banyak perbezaan jenis pekerjaan dan melibatkan pembayaran imbuhan yang berlainan. Ibu bapa yang berpendapatan sederhana iaitu mendapat upah kurang RM 2,500 lebih ramai berbanding ibu bapa yang berpendapatan lebih tinggi. Tuan Jah Tuan Yusof (2010), menyatakan kejayaan anak-anak didorong oleh ibu bapa yang ingin melihat anak-anak berjaya dengan adanya motivasi dalam diri ibu bapa itu sendiri. Sokongan dan dorongan sangat penting pada peringkat awal kanak-kanak. Sokongan dan dorongan ibu bapa ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas lebih berkesan.

Turut dikaji adalah perbezaan tempat tinggal responden. Tiga kategori tempat tinggal telah dikelaskan iaitu kampung, rumah pangsa, dan rumah di kawasan taman. Marohaini Yusof (1989), menyatakan iklim pembelajaran yang baik mendorong murid-murid membaca dengan baik. Iklim itu boleh disediakan oleh ibu bapa di rumah manakala disediakan guru di sekolah. Tempat tinggal responden melihatkan ramai yang tinggal di rumah pangsa diikuti oleh rumah kawasan taman dan rumah di kawasan kampung.

Taraf pendidikan ibu bapa pula dikelaskan kepada beberapa kategori berikutan taburan penduduk setempat yang datang terdiri daripada pelbagai taraf pendidikan kerana lokasi sekolah tempat kajian ialah pinggir bandar. Jamilton Katimon (2010), berpendapat faktor perhatian ibu bapa penting untuk melihat anak tidak tercicir dalam pelajarannya. Menurutnya juga ibu bapa berpendidikan sederhana lebih mementingkan pendidikan anak-anak dengan memberi perhatian mereka terhadap anak-anak secara lebih tekun.

4.2 Pencapaian Membaca

Pemboleh ubah	Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
membaca suku kata terbuka	9	40.9	4	18.2	1	4.5	2	9.1	4	18.9	2	9.1
membaca perkataan suku kata terbuka	9	40.9	7	31.8	0	0	2	9.1	1	4.5	3	13.6
membaca suku kata tertutup	5	22.7	3	13.6	3	13.6	4	18.9	3	13.6	4	18.9
membaca perkataan suku kata tertutup	10	45.5	4	18.9	1	4.5	1	4.5	4	18.9	2	9.1
membaca perkataan 'ng'	11	50.0	3	13.6	1	4.5	0	0	3	13.6	4	18.9
membaca perkataan difgraf	10	45.5	3	13.6	2	9.1	2	9.1	3	13.6	2	9.1
membaca perkataan difgraf dan konsonan berganding	2	9.1	2	9.1	0	0	0	0	7	31.8	11	50.0
membaca perkataan berimbuhan	10	45.5	3	13.6	1	4.5	0	0	2	9.1	6	27.8
membaca ayat mudah	4	18.9	2	9.1	0	0	0	0	4	18.9	12	54.5
membaca dan memahami ayat mudah	3	13.6	0	0	0	0	2	9.1	0	0	17	77.3

Jadual 4.2: Rumusan Pencapaian Membaca Murid

Jadual 4.2 menunjukkan dengan jelas responden yang tidak menjawab dengan betul ialah responden yang sememangnya lemah dan mengalami kecelaruan pada peringkat asas. Responden ini masih tidak dapat membezakan membezakan huruf vokal dan bunyi huruf vokal itu sendiri. Kumpulan ini perlukan perhatian khas daripada guru kelas dan ibu bapanya kerana mengalami masalah asas membaca.

Kemahiran membaca perkataan suku kata terbuka menunjukkan ramai responden dapat membaca dengan baik iaitu lebih sebahagian menjawab betul. Pada peringkat ini, responden memerlukan pengetahuan sedia ada dengan melihat gambar dan menyebut gambar berkenaan. Gambar yang dibekalkan dalam soalan membantu responden menjawab soalan ini menyebabkan responden kurang melakukan kesilapan. Bentuk soalan pula berkisar objek yang biasa dilihat oleh responden seperti 'bola', 'sudu', 'kerusi', 'gigi', 'tomato' dan 'buku'. Didapati responden yang melakukan kesalahan hanya tersalah memasukkan abjad ke dalam kotak yang disediakan. Abdul Rahman Abdul Rashid (1995), dalam kajiannya menyatakan murid memerlukan bahan bantu mengajar untuk lebih memahami apa yang dibacanya. Jelas dengan bantuan gambar murid kurang melakukan kesalahan semasa menjawab soalan di peringkat membaca suku kata terbuka.

Bagi kemahiran membaca perkataan suku kata terbuka pula, terdapat sedikit perbezaan dengan membaca suku kata terbuka. Pada peringkat ini, kelihatan lebih ramai responden melakukan kesalahan kerana soalan yang disediakan lebih terbuka. Gambar turut diberikan namun responden diminta menulis dan menyusun suku kata- suku kata terbuka bagi membentuk perkataan. Soalan terdiri daripada perkataan dua dan tiga suku kata. Responden yang melakukan kesalahan seramai tiga orang rata-rata salah pada soalan yang mempunyai tiga suku kata. Pada peringkat ini juga, sudah nampak ada responden yang boleh mengeja tetapi tidak boleh menulis dengan baik atau boleh menyebut tetapi tidak

boleh menulis. Terdapat juga responden yang salah memindahkan suku kata contoh 'pe' dipindahkan menjadi 'pi'. Jadi responden ini melakukan kesalahan semasa menulis sedangkan semasa mengeja mereka menyebut dengan betul.

Membaca suku kata tertutup pula memerlukan kemahiran yang lebih banyak dibandingkan dengan kemahiran membaca suku kata terbuka. Hasil kajian menunjukkan responden menjawab betul dan salah sama banyak. Masih lagi di peringkat asas mengeja, responden perlu menguasai kemahiran membaca Konsonan Vokal Konsonan (KVK). Tanpa penguasaan ini responden akan gagal menyebut perkataan dan ayat. Abdul Rashid dan Zulkafli (2008), murid yang tidak menguasai dan keliru membunyikan huruf tidak dapat menyebut perkataan yang dieja dengan betul. Murid ini tidak akan minat untuk membaca pada peringkat seterusnya. Berdasarkan dapatan menunjukkan responden dapat menyebut gambar dengan betul. Apabila diarahkan mengeja responden masih lagi tidak dapat membezakan abjad akhir sesuatu perkataan suku kata tertutup. Perkataan dua suku kata yang mewakili suku kata tertutup pula menunjukkan murid lebih ramai melakukan kesalahan pada suku kata tertutup yang terletak di awal perkataan berbanding suku kata tertutup di akhir perkataan. Contoh perkataan suku kata tertutup diawal perkataan 'biskut' lebih banyak salah berbanding perkataan 'dompet' di akhir perkataan.

Membaca perkataan suku kata tertutup pula, sekali lagi bantuan gambar atau ABM memainkan peranan penting. Responden kurang melakukan kesalahan dengan adanya bantuan gambar yang disediakan. Apabila perkataan suku kata tertutup diberikan secara bergabung atau dieja terus, responden kurang melakukan kesalahan. Contoh gambar ekor diberikan responden diberi huruf 'e_ _ _', murid akan menjawab dengan betul. Mereka dapat mengeja 'kor' dengan tepat.

Bagi kemampuan membaca perkataan berakhir dengan perkataan 'ng', ramai responden menjawab dengan betul berbanding responden yang melakukan kesalahan. Oleh kerana perkataan berakhir dengan 'ng' ramai yang menjawab betul dilihat perkataan itu sendiri membantu responden membina perkataan. Dilihat responden lebih suka membina perkataan berbanding membina suku kata. Responden mengeja dengan lebih lancar apabila mereka melihat gambar rangsangan. Misalnya gambar gasing dapat dieja dengan mudah apabila suku kata 'Ga' sudah diberikan dan responden hanya menambah 'sing' diujungnya. Begitu juga dengan gambar-gambar lain. Responden lebih suka menjawab dan menyebut perkataan suku kata akhir. Mok Soon Sang (1995), memberitahu guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa meningkatkan prestasi pelajarinya. Guru ini menitikberatkan latihan kepada pelajarinya semasa mengajar membaca. Justeru responden dapat menjawab dengan banyak betul berikutan perkataan 'ng' adalah antara yang sentiasa dilatih oleh guru kerana dijangkakan susah.

Membaca vokal berganding banyak menunjukkan perbezaan antara jumlah betul dan jumlah salah. Kemahiran ini amat mengelirukan responden kerana sukar membezakan bunyi diftong dengan bunyi vokal berganding. Dalam kajian, ramai responden melakukan kesalahan kerana masih belum faham perbezaan kedua bunyi perkataan itu. Meskipun dapat menyebut gambar dengan betul responden tidak dapat mengejanya dengan betul. Misalnya gambar 'daun' dieja 'udna' oleh responden 20. 'Kain' pula dieja 'knai', 'kuih' dieja 'hiku', 'Radio' dieja 'adori' dan 'buaya' dieja 'yauba'. Semasa sesi lisan dijalankan, responden menjawab dengan betul gambar yang ditanya sebaliknya tidak dapat mengeja apabila disuruh meskipun huruf-huruf untuk membunyikan suku kata telah disediakan.

Antara kemahiran yang paling susah adalah kemahiran membaca perkataan difgraf dan konsonan berganding. Jadual 4.2 juga jelas menunjukkan kelemahan responden dalam

menguasai kemahiran ini. Kelemahan jelas dilihat apabila perkataan yang diberikan agak panjang. Misalnya ejaan 'syiling' dieja 'iyilsng'. Terdapat hanya dua orang responden dapat menguasai kemahiran ini. Kaedah pengajaran juga memainkan peranan untuk membantu responden membaca. Responden yang mempelajari bacaan melalui kaedah fonetik kurang mengalami masalah mengeja berbanding kaedah lain. Ini kerana, kaedah fonetik ini menerapkan bunyi pada setiap abjad. Jadi murid menyebut terlebih dahulu perkataan yang ingin dieja dan akan mengeja mengikut apa yang disebut. Tabberer (1992), berpendapat seseorang guru memainkan peranan dalam pemilihan kaedah-kaedah yang sesuai bagi membantu murid-murid membaca.

Kebolehan membaca perkataan berimbuhan pula menunjukkan ramai responden menjawab dengan betul. Berikutan imbuhan yang agak mudah ditanya, ramai responden menjawab betul. Responden lebih suka imbuhan awalan berbanding imbuhan akhiran namun ada yang masih belum mahir menggunakan imbuhan semasa menulis. Misalnya perkataan 'membaca', 'minuman', 'bersilat', 'senaman' dan 'terjatuh' merupakan perkataan yang selalu digunakan. Jadi responden kurang membuat kesalahan semasa mengeja perkataan-perkataan tersebut. Responden didapati lebih mahir menggunakan imbuhan awalan.

Kemampuan membaca ayat mudah jelas tidak dikuasai responden. Kesalahan yang dikesan adalah kesalahan mengeja perkataan yang melebihi dua suku kata. Responden tidak dapat menyusun perkataan dengan betul dalam ayat. Meskipun responden dapat mengeja perkataan tertentu tetapi tetap melakukan kesalahan semasa menyusun perkataan untuk dijadikan ayat. Misalnya responden boleh mengeja perkataan 'buku' tetapi melakukan kesalahan dalam ayat "Abang rajin membaca buku". Malah ramai responden yang meninggalkan jawapan kosong tanpa menulis apa-apa jawapan.

Membaca dan memahami ayat mudah pula merupakan kemahiran yang penting diuji dalam kajian ini. Kemahiran ini menjadi petunjuk kepada tahap kebolehan membaca responden melalui ujian lisan berinteraksikan lisan. Keputusan pencapaian responden menunjukkan ramai responden masih belum dapat membaca dengan baik. Seramai 19 responden tidak menguasai kemahiran ini. Abdullah (2007), menyatakan untuk memahami apa yang dibaca mestilah menerusi beberapa cara termasuklah menghubungkan maklumat baru yang diperoleh dengan pengetahuan sedia ada. Jadi, murid mengalami kecelaruan untuk memahami ayat sekiranya mereka membaca sambil mengeja lebih lagi tiada pengetahuan sedia ada berkaitan apa yang dibaca.

4.3 Kemahiran Membaca Suku Kata Terbuka

Pemboleh ubah		Membaca Suku Kata terbuka											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	6	27.8	1	4.5	1	4.5	1	4.5	2	9.1	0	0
	Perempuan	3	13.6	3	13.6	0	0	1	4.5	2	9.1	2	9.1
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	1	4.5	2	9.1	0	0	1	4.5	3	13.6	0	0
	Tadika Swasta	8	36.4	2	9.1	1	4.5	1	4.5	1	4.5	0	0
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	1	4.5	2	9.1
	Kurang RM2,500	7	31.8	3	13.6	1	4.5	0	0	3	13.6	0	0
	Melebihi RM2,500	2	9.1	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Rumah Pangsa	3	13.6	3	13.6	1	4.5	1	4.5	2	9.1	0	0
	Kawasan Taman	6	27.8	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	0	0
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	1	4.4	0	0	0	0	2	9.1	2	9.1
	Menengah	5	22.7	2	9.1	1	4.5	1	4.5	2	9.1	0	0
	Diploma	3	13.6	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0

Jadual 4.3 Rumusan Kemahiran Membaca Suku Kata Terbuka

Taburan perbezaan kemahiran membaca suku kata terbuka dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 4.3. Responden lelaki menjawab soalan dengan betul melebihi 2 kali ganda responden perempuan. Kemahiran yang ditanya ialah mencantumkan huruf yang diberi bagi membentuk suku kata terbuka. Dapatan ini menyamai dapatan yang diperolehi oleh Zambri dan Mohammed Amin (2004) di tiga buah tadika di Bandar Jengka Pahang menyatakan pelajar lelaki lebih menunjukkan kecemerlangan berbanding pelajar perempuan. Dalam interaksi lisan responden lelaki lebih kelihatan yakin dengan jawapan yang diberikan.

Dalam pengujian ini, responden lelaki menjawab dengan lebih cepat berbanding responden perempuan dan tindakan menulis semula dalam kertas jawapan juga dikuasai responden lelaki. Responden lelaki menjawab dengan lebih yakin apabila ditanya secara lisan berbanding agak lambat menjawab daripada responden perempuan. Responden perempuan lebih banyak membuat kesalahan pada soalan mengeja 'kerusi'. Begitu juga perkataan 'gigi' terdapat beberapa responden perempuan mengeja 'Giji'.

Berdasarkan kajian juga menunjukkan tiada bilangan kekerapan responden daripada responden yang belajar di sekolah Tadika Kemas dan Tadika Swasta sebaliknya kekerapan berlaku kepada responden yang bersekolah di Prasekolah. Dapatan ini sekali lagi menyamai dapatan yang telah dibuat oleh Zambri dan Mohammed Amin (2004) di Bandar Pusat Jengka. Kajian menunjukkan pelajar lelaki tiada melakukan kesalahan yang paling mudah.

4.4 Kemahiran Membaca Perkataan Suku Kata Terbuka

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan Suku Kata terbuka											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	4	18.9	5	22.7	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5
	Perempuan	5	22.7	2	9.1	0	0	1	4.5	1	4.5	2	9.1
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	2	9.1	2	9.1	0	0	1	4.5	1	4.5	1	4.5
	Tadika Swasta	7	31.8	5	22.7	0	0	1	4.5	0	0	0	0
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	0	0	3	13.6
	Kurang RM2,500	7	31.8	6	27.8	0	0	0	0	1	4.5	0	0
	Melebihi RM2,500	1	4.5	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	0	0
Tempat Tinggal	Kampung	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0	3	13.6
	Rumah Pangsa	4	18.9	5	22.7	0	0	1	4.5	0	0	0	0
	Kawasan Taman	4	1.9	2	9.1	0	0	1	4.5	1	4.5	0	0
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	3	13.6
	Menengah	4	18.9	6	27.8	0	0	1	4.5	0	0	0	0
	Diploma	3	13.6	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0

Jadual 4.4 Rumusan Kemahiran Membaca Perkataan Suku Kata Terbuka

Bagi kemahiran membaca perkataan suku kata terbuka pula, didapati kekerapan paling menonjol ialah kekerapan responden yang berasal daripada anak yang ibu bapanya berpendidikan menengah. Jumlah kekerapan yang dicapai berbeza dengan ibu bapa berpendidikan diploma dan ijazah. Dapatan ini disokong oleh Zulkifly Hamid (2006) menyatakan pengetahuan atau kemahiran bahasa ialah asas kepada semua proses pembelajaran. Tanpa kemahiran yang baik, proses pendidikan sukar untuk dilaksanakan. Kemahiran bahasa melibatkan keempat-empat aspek tingkah laku, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, memahami dan menulis. Jadi Ibu bapa berpendidikan menengah dikatakan berbahasa lebih baik di rumah.

4.5 Kemahiran Membaca Suku Kata Tertutup

Pemboleh ubah		Membaca Suku Kata Tertutup											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	1	4.5	2	9.1	2	9.1	2	9.1	2	9.1	2	9.1
	Perempuan	4	18.9	1	4.5	1	4.5	2	9.1	1	4.5	2	9.1
Pendidikan awal	Prasekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	2	9.1	1	4.5	0	0	1	4.5	1	4.5	2	9.1
	Tadika Swasta	3	13.6	2	9.1	3	13.6	3	13.6	2	9.1	0	0
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	3	13.6
	Kurang RM2,500	5	22.7	1	4.5	3	13.6	2	9.1	2	9.1	1	4.5
	Melebihi RM2,500	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	1	4.5	0	0
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	0	0	0	0	1	4.5	0	0	3	13.6
	Rumah Pangsa	3	13.6	2	9.1	1	4.5	2	9.1	1	4.5	1	4.5
	Kawasan Taman	2	9.1	1	4.5	2	9.1	1	4.5	2	9.1	0	0
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	3	13.6
	Menengah	3	13.6	2	9.1	1	4.5	3	13.6	1	4.5	1	4.5
	Diploma	2	9.1	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	0	0	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0

Jadual 4.5 Rumusan Kemahiran membaca suku kata tertutup

Membaca suku kata tertutup pula, menunjukkan ramai responden melakukan kesalahan kecuali responden belajar di Tadika Swasta. Kenyataan ini disokong oleh tiadanya kekerapan berlaku kepada responden yang tinggal di kawasan taman dan ibu bapanya berpendapatan melebihi RM2,500. Melihat keadaan ini, boleh dikatakan hampir sebahagian responden yang bersekolah di Tadika Swasta tidak melakukan kesalahan. Namun dalam keadaan ini pula ramai murid perempuan yang menjawab betul berbanding suku kata terbuka.

Jelas sekali ibu bapa yang berpendapatan tinggi menghantar anak-anak ke Tadika Swasta untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dengan kesanggupan membelanjakan wang ringgit untuk keselesaan anak-anak. Keadaan ini disokong oleh pendapat Tuan Jah Tuan Yusof (2010), menyatakan ibu bapa yang mampu memberikan keselesaan pembelajaran kepada anak-anak membolehkan anak-anak belajar dengan baik dan membantu anak-anak menyimpan ilmu yang diperolehi dan ianya dijadikan sebagai pengetahuan sedia ada bagi anak-anak menghadapi proses pembelajaran seterusnya.

4.6 Kemahiran Membaca Perkataan Suku Kata Tertutup

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan Suku Kata Tertutup											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	5	22.7	2	9.1	1	4.5	1	4.5	1	4.5	1	4.5
	Perempuan	5	22.7	2	9.1	0	0	0	0	3	13.6	1	4.5
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5
	Tadika KEMAS	3	13.6	1	4.5	0	0	1	4.5	1	4.5	1	4.5
	Tadika Swasta	7	31.8	3	13.6	1	4.5	0	0	2	9.1	0	0
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	2	9.1	0	0	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Kurang RM2,500	7	31.8	3	13.6	0	0	1	4.5	3	13.6	0	0
	Melebihi RM2,500	1	4.5	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0	0	0
Tempat Tinggal	Kampung	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Rumah Pangsa	5	22.7	2	9.1	0	0	1	4.5	2	9.1	0	0
	Kawasan Taman	4	18.9	2	9.1	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	2	9.1	2	9.1
	Menengah	6	27.8	2	9.1	0	0	1	4.5	2	9.1	0	0
	Diploma	2	9.1	2	9.1	0	0	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	0	0	0	0

Jadual 4.6 Rumusan Kemahiran Membaca Perkataan Suku Kata Tertutup

Membaca perkataan suku kata tertutup menunjukkan kekerapan responden lelaki dan perempuan menjawab betul adalah sama. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Azila Alias (2010) yang menyatakan terdapat perbezaan yang jelas ke atas pencapaian murid mengikut jantina di tiga buah sekolah tadika yang dikaji. Murid perempuan lebih banyak menjawab soalan dengan betul di ketiga-tiga tadika itu.

4.7 Kemahiran Membaca Perkataan ‘ng’

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan ‘ng’											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	4	18.9	3	13.6	1	4.5	1	4.5	0	0	2	9.1
	Perempuan	7	31.8	0	0	0	0	2	9.1	0	0	2	9.1
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5
	Tadika KEMAS	4	18.9	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5
	Tadika Swasta	7	31.8	2	9.1	1	4.5	1	4.5	0	0	2	9.1
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	2	9.1	0	0	0	0	1	4.5	0	0	2	9.1
	Kurang RM2,500	9	40.9	2	9.1	1	4.5	1	4.5	0	0	1	4.5
	Melebihi RM2,500	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5
Tempat Tinggal	Kampung	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	0	0	2	9.1
	Rumah Pangsa	9	40.9	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5
	Kawasan Taman	1	4.5	3	13.6	1	4.5	2	9.1	0	0	1	4.5
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	1	4.5	0	0	0	0	2	9.1	0	0	2	9.1
	Menengah	7	31.8	2	9.1	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Diploma	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0
	Ijazah	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0

Jadual 4.7 Rumusan Kemahiran membaca perkataan ‘ng’

Membaca perkataan 'ng' pula menunjukkan kumpulan ibu bapa responden berpendapatan kurang RM2,500 dan ibu bapa responden yang tinggal di kawasan rumah pangsa menjawab dengan skor yang tinggi lebih ramai. Kekerapan yang dicapai adalah sama dengan bilangan 9 kekerapan. Mengikut Norhashimah Hashim dan Yahya Che Lah (2005), kanak-kanak yang cemerlang datangnya daripada murid yang cepat membaca meliputi kesihatan, mengawal perasaan atau emosi, boleh bergaul, dan berinteraksi dengan baik. Menurutnya lagi pergaulan dan interaksi yang baik membolehkan murid lebih bijak dan bertindak cemerlang. Jadi responden yang tinggal di kawasan rumah pangsa berpeluang bergaul dengan ramai rakan sebaya malah dapat mempelajari bahasa dengan lebih meluas berikutan di kawasan persekitaran mereka lebih terbuka.

4.8 Kemahiran Membaca Perkataan Diftong

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan Diftong											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	6	27.8	2	9.1	1	4.5	0	0	1	4.5	1	4.5
	Perempuan	4	18.9	1	4.5	1	4.5	2	9.1	2	9.1	1	4.5
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5
	Tadika KEMAS	3	13.6	1	4.5	0	0	2	9.1	0	0	1	4.5
	Tadika Swasta	7	31.8	2	9.1	2	9.1	0	0	2	9.1	0	0
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	2	9.1
	Kurang RM2,500	8	36.4	3	13.6	1	4.5	1	4.5	1	4.5	0	0
	Melebihi RM2,500	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0
Tempat Tinggal	Kampung	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Rumah Pangsa	5	22.7	2	9.1	1	4.5	1	4.5	1	4.5	0	0
	Kawasan Taman	4	18.9	1	4.5	1	4.5	1	4.5	1	4.5	0	0
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5	2	9.1
	Menengah	5	22.7	2	9.1	2	9.1	1	4.5	1	4.5	0	0
	Diploma	3	13.6	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	0	0

Jadual 4.8 Rumusan Membaca Perkataan Diftong

Penguasaan membaca perkataan diftong tidak menunjukkan terlalu banyak perbezaan pencapaian. Kekerapan pencapaian hampir sama berlaku di setiap pemboleh ubah. Sedikit perbezaan berlaku di bahagian pendapatan RM2,500. Di sini kelihatan kekerapan agak tinggi iaitu mencapai 8 kekerapan. Namun perlu dibincangkan di pencapaian kekerapan di pemboleh ubah pendidikan awal. Tiada langsung responden menjawab betul hanya terdapat kekerapan hampir salah dan kekerapan salah. Keadaan ini menunjukkan tiada responden yang menjawab betul dari Prasekolah. Dapatan ini menyamai dapatan kajian lalu yang dilakukan oleh Nik Abdul Rahman Kasim (2003) menyatakan terdapat perbezaan pencapaian murid yang bersekolah di Prasekolah dengan Tadika Swasta. Dapatan kajiannya juga menunjukkan pencapaian murid di Tadika Swasta lebih baik daripada Prasekolah berdasarkan responden di tempat kajiannya.

4.9 Kemahiran Membaca Vokal Berganding

Pemboleh ubah		Membaca Vokal Berganding											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	1	4.5	2	9.1	3	13.6	0	0	0	0	5	22.7
	Perempuan	3	13.6	0	0	4	18.9	2	9.1	0	0	2	9.1
Pendidikan awal	Prasekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	2	9.1	0	0	3	13.6	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika Swasta	2	9.1	2	9.1	4	18.9	2	9.1	0	0	3	13.6
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	0	0	3	13.6
	Kurang RM2,500	3	13.6	2	9.1	5	22.7	2	9.1	0	0	2	9.1
	Melebihi RM2,500	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	2	9.1
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	3	13.6
	Rumah Pangsa	2	9.1	0	0	4	18.9	2	9.1	0	0	2	9.1
	Kawasan Taman	2	9.1	2	9.1	2	9.1	0	0	0	0	2	9.1
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	0	0	2	9.1	0	0	0	0	3	13.6
	Menengah	3	13.6	0	0	3	13.6	2	9.1	0	0	3	13.6
	Diploma	1	4.5	1	4.5	3	13.6	0	0	0	0	0	0
	Ijazah	0	0	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5

Jadual 4.9 Rumusan Membaca Vokal Berganding

Kekerapan berlaku hampir sama rata di kemahiran membaca vokal berganding. Tiada peratusan yang terlalu tinggi berlaku di mana-mana pemboleh ubah. Pencapaian kekerapan yang berbeza berlaku di ruangan hampir salah iaitu tiada kekerapan dicapai oleh semua pemboleh ubah yang membawa maksud tiada responden yang keliru semasa menjawab soalan vokal berganding. Terdapat hanya responden yang menjawab betul dan salah sahaja.

4.10 Kemahiran Membaca Perkataan Difgraf dan Konsonan Berganding

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan Difgraf dan Konsonan											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	1	4.5	0	0	2	9.1	0	0	3	13.6	5	22.7
	Perempuan	1	4.5	0	0	0	0	0	0	4	18.9	6	27.8
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	0	0	0	0	1	4.5	0	0	2	9.1	4	18.9
	Tadika Swasta	2	9.1	0	0	1	4.5	0	0	5	22.7	5	22.7
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	4	18.9
	Kurang RM2,500	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	7	31.8	5	22.7
	Melebihi RM2,500	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	3	13.6
	Rumah Pangsa	0	0	0	0	0	0	0	0	5	22.7	5	22.7
	Kawasan Taman	2	9.1	0	0	1	4.5	0	0	2	9.1	3	13.6
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	4	18.9
	Menengah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	4	18.9	6	27.8
	Diploma	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	2	9.1	0	0
	Ijazah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5

Jadual 4.10 Rumusan Membaca Perkataan Difgraf dan Konsonan Berganding

Membaca perkataan difgraf dan konsonan menunjukkan hanya responden yang berpendidikan Tadika Swasta sahaja menjawab dengan betul. Rata-rata pemboleh ubah menunjukkan kekerapan responden melakukan kesalahan adalah tinggi. Tiada pula responden yang menjawab hampir betul di semua pemboleh ubah.

4.11 Kemahiran Membaca Perkataan Berimbuhan

Pemboleh ubah		Membaca Perkataan berimbuhan											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	5	22.7	2	9.1	0	0	0	0	1	4.5	3	13.6
	Perempuan	5	22.7	1	4.5	1	4.5	0	0	1	4.5	3	13.6
Pendidikan awal	Prasekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	1	4.5
	Tadika KEMAS	2	9.1	1	4.5	1	4.5	0	0	1	4.5	2	9.1
	Tadika Swasta	8	36.4	2	9.1	0	0	0	0	0	0	3	13.6
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Kurang RM2,500	8	36.4	1	4.5	1	4.5	0	0	1	4.5	3	13.6
	Melebihi RM2,500	1	4.5	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5
Tempat Tinggal	Kampung	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Rumah Pangsa	5	22.7	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	3	13.6
	Kawasan Taman	4	18.9	2	9.1	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	1	4.5	2	9.1
	Menengah	6	27.8	2	9.1	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Diploma	2	9.1	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5
	Ijazah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5

Jadual 4.11 Rumusan Membaca Perkataan Berimbuhan

Membaca perkataan berimbuhan pula menunjukkan kekerapan banyak berlaku di pemboleh ubah pendidikan awal iaitu sebanyak 8 kekerapan mewakili 36% menjawab dengan betul semua. Keadaan ini menunjukkan responden lebih banyak menggunakan kata dasar berbanding kata berimbuhan. Menurut Abdullah Hassan (1987), kanak-kanak lebih banyak menggunakan kata dasar berbanding kata berimbuhan dan keadaan ini berlaku kerana akibat daripada pengaruh bahasa harian murid. Murid lebih suka bertutur secara ringkas dan setiap pertuturan sebolehnya dipermudahkannya.

4.12 Kemahiran Membaca Ayat Mudah

Pemboleh ubah		Membaca Ayat Mudah											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	2	9.1	2	9.1	0	0	0	0	1	4.5	6	27.8
	Perempuan	2	9.1	0	0	0	0	0	0	3	13.6	6	27.8
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	1	4.5	0	0	0	0	0	0	1	4.5	5	22.7
	Tadika Swasta	3	13.6	2	9.1	0	0	0	0	3	13.6	5	22.7
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	4	18.9
	Kurang RM2,500	4	18.9	1	4.5	0	0	0	0	3	13.6	6	27.8
	Melebihi RM2,500	0	0	1	4.5	0	0	0	0	0	0	2	9.1
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	3	13.6
	Rumah Pangsa	2	9.1	1	4.5	0	0	0	0	2	9.1	5	22.7
	Kawasan Taman	2	9.1	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	4	18.9
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5	4	18.9
	Menengah	3	13.6	1	4.5	0	0	0	0	2	9.1	5	22.7
	Diploma	0	0	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5	2	9.1
	Ijazah	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4.5

Jadual 4.12 Rumusan Membaca Ayat Mudah

Membaca ayat mudah merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh responden semasa menduduki ujian ini. Kekerapan yang ditunjukkan oleh responden yang ibu bapanya berpendidikan menengah adalah tinggi berbanding yang lain. Begitu juga kekerapan yang ditunjukkan oleh ibu bapa responden berpendapatan kurang RM2,500 adalah tinggi berbanding yang lain. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Namun faktor motivasi dan dorongan ibu bapa boleh meningkatkan pencapaian ini.

4.13 Kemahiran Membaca dan Memahami Ayat Mudah

Pemboleh ubah		Membaca dan Memahami Ayat Mudah											
		Sangat Betul		Betul		Hampir Betul		Hampir Salah		Salah		Sangat Salah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
Jantina	Lelaki	2	9.1	0	0	1	4.5	0	0	0	0	8	36.4
	Perempuan	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	0	0	9	40.9
Pendidikan awal	Pra Sekolah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	9.1
	Tadika KEMAS	1	4.5	0	0	0	0	0	0	0	0	6	27.8
	Tadika Swasta	2	9.1	0	0	2	9.1	0	0	0	0	9	40.9
Pendapatan ibu bapa	Kurang RM800	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	22.7
	Kurang RM2,500	3	13.6	0	0	2	9.1	0	0	0	0	9	40.9
	Melebihi RM2,500	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	13.6
Tempat Tinggal	Kampung	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	18.9
	Rumah Pangsa	2	9.1	0	0	0	0	0	0	0	0	8	36.4
	Kawasan Taman	1	4.5	0	0	2	9.1	0	0	0	0	5	22.7
Pendidikan Ibu bapa	Menengah Rendah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	22.7
	Menengah	2	9.1	0	0	0	0	0	0	0	0	9	40.9
	Diploma	1	4.5	0	0	1	4.5	0	0	0	0	2	9.1
	Ijazah	0	0	0	0	1	4.5	0	0	0	0	1	4.5

Jadual 4.13 Rumusan Membaca dan Memahami Ayat Mudah

Membaca dan memahami ayat mudah merupakan kemahiran yang paling tinggi perlu dikuasai responden dalam ujian ini. Selain membaca responden perlu memahami ayat yang dibina. Perbandingan perbezaan jantina tidak menunjukkan perbezaan ketara. Dilihat perbezaan daripada sudut pendidikan awal juga tidak berjurang terlalu besar. Dilihat daripada perbezaan pendapatan terdapat perbezaan juran kerana ibu bapa yang berpendapatan kurang RM2,500 mencapai 3 kekerapan berbanding tiada yang lain. Ini menunjukkan ibu bapa responden yang berpendapatan sederhana lebih menitik beratkan pelajaran anak-anak mereka. Anak-anak ini telah mencapai tahap yang perlu dicapai oleh kanak-kanak sebaya dengannya. Mereka boleh keluar dari Kelas KIA2M tetapi masih perlu bimbingan khas daripada guru atau ibu bapa. Abdullah Yussof (1996), menyatakan kanak-kanak yang telah menguasai kemahiran membaca perlu diawasi kerana factor persekitaran boleh mempengaruhi penguasaan bahasa di peringkat yang lebih tinggi.

5.0 Rumusan

Responden-responden yang mengalami kekeliruan dan yang masih tidak menguasai kemahiran membaca pada peringkat umur ini perlu dibanteras. Proses seterusnya seperti yang dirancang dalam program KIA2M akan terus diduduki oleh mereka. Ibu bapa dan guru perlu menggiatkan usaha untuk membantu mereka.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Keseluruhan kecelaruan bahasa Melayu murid kelas KIA2M menunjukkan ketidaksamaan berlaku dalam perbandingan antara faktor-faktor yang dikaji. Di dalam bab ini akan dibincangkan secara keseluruhan berkaitan objektif kajian dan dapatan kajian. Kecelaruan berbahasa Melayu akan dibincangkan mengikut kategori faktor-faktor yang ingin dilihat dan menjadi fokus utama kajian. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi membantu penyelidik akan datang membuat kajian dengan lebih terperinci lagi.

5.1 Rumusan Kajian

Rumusan dibuat mengikut berdasarkan pencapaian kekerapan dan peratusan pemboleh ubah-pemboleh ubah.

5.1.1 Keputusan Ujian Diagnostik

Keseluruhannya, perbandingan secara menyeluruh daripada sudut keputusan Ujian Diagnostik menunjukkan bahawa di sekolah kajian, jumlah murid yang mengalami kecelaruan semasa membaca ketika memasuki Tahun Satu tidak begitu membimbangkan. Hanya 3 orang murid sahaja langsung tidak boleh membaca atau mengalami masalah kecelaruan pada tahap yang kritikal iaitu masih keliru mengenal huruf. Di sini, menunjukkan bahawa murid ini mempunyai tahap perbezaan keintelektualannya

(Dagostino, L. dan J. Carifio, 1994). Walhal, semua murid yang terlibat dalam kajian telah mendapat didikan awal di prasekolah atau Tadika KEMAS mahupun di Tadika Swasta. Kecelaruhan membaca bahasa Melayu yang paling kerap dilakukan adalah membaca dan memahami ayat mudah iaitu pada kontruk 11 dalam senarai kemahiran yang dikeluarkan oleh KPM. Jelas murid yang memperolehi keputusan yang tinggi dalam Ujian Diagnostik adalah murid yang tidak mengalami masalah semasa membaca. Murid ini dikesan dalam kalangan murid dari Tadika Swasta. Murid ini tidak melakukan kesalahan dengan bantuan cara dan gaya pengajaran guru yang betul. Kajian ini menyamai kajian yang dilakukan oleh Haris Fadzilah Kassim (2002) di sebuah sekolah pinggir kota raya Kuala Lumpur mendapati masalah keputusan peperiksaan penulisan dan lisan timbul disebabkan oleh cara dan gaya pengajaran guru di dalam kelas. Kajian Abdul Rasid Jamian juga menunjukkan faktor teknik guru menyumbang kepada kelemahan penguasaan kemahiran menulis dan membaca. Menurut Abdullah Hassan (2004) pula menyatakan guru menghadapi masalah mengajarkan Sukatan Baharu Bahasa Melayu 2003 menyebabkan murid lambat menguasai kemahiran menulis mahupun membaca.

Dapatan kajian juga menunjukkan masalah kecelaruhan yang banyak berlaku pada murid yang berasal daripada Tadika KEMAS dan prasekolah manakala tiada murid yang mengalami masalah kecelaruhan membaca bahasa Melayu pada tahap membimbangkan dari Tadika Swasta. Implikasinya, dapat dilihat secara nyata bilangan ibu bapa yang menghantar anak ke Tadika Swasta lebih ramai dan Tadika Swasta wujud seperti cendawan tumbuh. Meskipun pengalaman sebenar dapat dirasai di prasekolah, namun ibu bapa masih berkecenderungan untuk menghantar anak ke Tadika Swasta kerana masalah tidak boleh membaca lebih banyak daripada kalangan murid dari prasekolah dan Tadika KEMAS.

5.1.2 Kecelaruhan Membaca Mengikut Jantina

Perbandingan kemampuan membaca dalam kalangan murid lelaki dan perempuan pula, didapati murid lelaki menjawab soalan dengan lebih tepat berbanding murid perempuan. Bermakna, kecelaruhan berbahasa Melayu berlaku lebih banyak dalam kalangan murid perempuan semasa membaca pada peringkat umur tujuh tahun di sekolah kajian. Jelas di dalam dapatan kajian menunjukkan murid lelaki tiada melakukan kecelaruhan pada peringkat membunyikan suku kata terbuka. Sekali lagi terbukti murid lelaki kurang mengalami kecelaruhan dengan dapatan yang ditunjukkan pada kemahiran membaca ayat mudah yang menunjukkan lebih ramai murid lelaki menjawab dengan betul.

Dapatan Kajian ini menyamai dapatan kajian oleh Zamri dan Mohamed Amin (2004), yang menunjukkan responden lelaki lebih bersikap cemerlang dan mempunyai minat yang tinggi dalam pelajaran bahasa Melayu, terutamanya dalam aktiviti bertutur berbanding responden perempuan.

Bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan dapatan pengkaji-pengkaji lepas. Kajian Arnot, David dan Weiner (1995) misalnya telah melaporkan bahawa pelajar perempuan yang berusia 7, 11 dan 14 tahun memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam mata pelajaran bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar lelaki dalam lingkungan usia yang sama. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Harding (1979) yang mendapati bahawa pelajar perempuan lebih dominan dalam mata Pelajaran Sastera manakala pelajar lelaki pula lebih berprestasi tinggi dalam mata pelajaran yang berunsur Sains, seperti Matematik dan Fizik.

Kesan daripada keputusan ini menunjukkan faktor jantina murid tidak mempengaruhi kebolehan murid membaca murid pada satu tahap umur. Bermakna seseorang murid yang dapat membaca lebih awal bukan disebabkan faktor jantinya tetapi

melibatkan beberapa proses. Murid perlu mengalami proses-proses tertentu untuk menguasai kemahiran membaca. Ini berkait rapat dengan proses dan strategi membaca berkesan, Dagostino dan Carifo (1994) menyatakan faktor kebolehan dan keintelektualan memainkan peranan yang lebih penting berbanding faktor jantina, pengalaman dan persekitaran. Tuntasnya murid perlu mendapat didikan sempurna tanpa ada diskriminasi atau tumpuan khas yang membezakan faktor jantina.

5.1.3 Kecelaruhan Mengikut Pendidikan Awal

Dilihat daripada sudut pendidikan awal murid pula, jelas menunjukkan murid dari Tadika Swasta menjawab dengan lebih banyak betul berbanding murid Tadika KEMAS dan prasekolah. Dapatan di atas menunjukkan tiada murid dari Tadika Swasta melakukan kecelaruhan berbahasa Melayu malah menjawab dengan betul lebih banyak berbanding yang lain dalam ujian membandingkan keupayaan membaca perkataan suku kata terbuka. Data juga menunjukkan semua responden dari prasekolah melakukan kesalahan semasa membaca suku kata terbuka. Sementara murid dari Tadika KEMAS hanya dikategorikan sederhana.

Dapatan ini pula menyamai dapatan kajian yang dilakukan oleh Nik Abdul Karim (2003) yang membuat perbandingan pencapaian membaca antara dua tadika di negeri Pahang. Tadika Swasta mencatatkan bilangan murid yang lebih ramai boleh membaca berbanding Tadika KEMAS. Bermakna, Tadika Swasta menghasilkan murid yang kurang mengalami masalah kecelaruhan semasa membaca.

Implikasinya, semua tadika yang wujud di negara ini berlumba-lumba menghasilkan produk yang bermutu bagi menarik pelanggannya. Mok Soon Sang (1995), menyatakan

guru yang proaktif dan kreatif dapat menarik minat murid belajar dan memberi tumpuan adalah guru yang berjaya dalam pengajarannya. Ibu bapa akan memilih tempat yang paling sesuai untuk mendapatkan asas didikan pada peringkat awal anak mereka dan merealisasikan impian mereka agar anak-anak dapat membaca pada peringkat awal lagi.

5.1.4 Kecelaruhan Mengikut Pendapatan Ibu Bapa

Kajian juga menunjukkan hubungan kuat antara membaca dengan pendapatan ibu bapa. Anak kepada ibu bapa yang berpendapatan rendah menunjukkan mengalami kecelaruhan berbahasa Melayu lebih banyak daripada anak yang ibu bapa berpendapatan lebih tinggi. Dapatan menunjukkan tiada kekerapan daripada kalangan anak daripada ibu bapa berpendapatan rendah menjawab dengan betul. Pada peringkat lain, mereka hanya mencapai tahap sederhana malah lebih ramai yang melakukan kecelaruhan berbahasa Melayu semasa membaca.

Pendapatan ibu bapa sebenarnya dijadikan satu pemboleh ubah kerana terdapat faktor motivasi yang berkait rapat dengan pendapatan. Tuan Jah Tuan Yusof (2010) menyatakan Ibu bapa yang berpendapatan lebih banyak dapat menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih baik dan selesa kepada anaknya. Pendapatan yang tinggi menyebabkan motivasi untuk belajar lebih tinggi dengan membaca bahan yang tersedia oleh keluarga yang berkemampuan. Tuan Jah Tuan Yusof (2011) juga menyatakan terdapat hubungan linier antara motivasi membaca dan minat baca seseorang. Semakin rendah tingkat motivasi membaca seseorang, akan semakin rendah pula minat membacanya. Sebaliknya, kian tinggi tingkat motivasi membaca seseorang, akan kian tinggi pula minat membacanya.

Natijahnya, ibu bapa yang berkemampuan akan menghantar anak mereka ke Tadika Swasta. Ini kerana di Tadika Swasta, anak-anak diajar membaca seawal mungkin berbanding anak-anak yang bersekolah di prasekolah. Di prasekolah murid-murid akan terikat dengan silibus daripada pihak Kementerian Pelajaran dan terpaksa mempelajari semula kemahiran yang dikuasai meskipun pelajar sudah menguasai sesuatu kemahiran.

5.1.5 Kecelaruhan Mengikut Tempat Tinggal

Terdapat juga hubungan antara kecelaruhan berbahasa Melayu dengan tempat tinggal murid. Murid yang tinggal di kampung menunjukkan mengalami kecelaruhan berbahasa Melayu yang lebih banyak semasa membaca. Kajian menunjukkan murid yang tinggal di kampung mengalami kecelaruhan sehinggakan mencapai jumlah yang banyak sedangkan tiada kecelaruhan dibuat oleh murid yang tinggal di rumah pangsa dan di taman. Kenyataan ini disokong dengan tiada seorang pun murid yang tinggal di kampung menjawab dengan betul soalan kategori ayat mudah.

Tempat tinggal pula berkait rapat dengan persekitaran murid lebih lagi berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya. Rakan sebaya yang bermotivasi adalah dalam kalangan rakan sebaya yang berasal daripada mereka yang tinggal di kawasan taman berbanding yang lain. Menurut Kamarudin Husin (1993), pada kebiasaannya, seseorang itu akan memberikan gerak balas yang lebih spontan dan bermakna jika bahan yang dibacanya itu menarik minatnya. Malahan, sering didapati bahan-bahan yang dianggap susah dapat dibaca dengan baik. Ini berdasarkan keinginan dan minat pelajar untuk membaca. Begitu juga, pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk membaca akan dapat memberi gerak balas yang positif terhadap bahan bacaan dan kegiatan membaca. Marohaini Yusuf (1989)

mengemukakan bahawa untuk memberi dorongan dan memupuk minat serta kebiasaan membaca dalam kalangan pelajar-pelajar, guru perlu menyediakan iklim pembelajaran yang baik.

Kiasan terhadap dapatan di atas boleh dikatakan pengaruh rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak sejak kecil lagi. Iklim pembelajaran lebih wujud di kawasan tempat tinggal yang selesa dan bersesuaian. Kawasan kampung yang dimaksudkan tempat tinggal responden adalah kawasan kampung yang tidak terancang akan pembangunannya seperti rumah setinggan. Kemudahan untuk belajar tidak mencukupi sepenuhnya. Jadi, iklim pembelajaran kurang wujud menyebabkan anak-anak lebih terdedah dengan gejala yang negatif berbanding positif kerana persekitaran mereka menuntut untuk mereka tidak memberi tumpuan kepada pembelajaran.

5.1.6 Kecelaruan Mengikut Pendidikan Ibu Bapa

Hubungan antara kecelaruan berbahasa Melayu dengan pendidikan ibu bapa juga dapat dilihat dengan jelas. Hubungan ini berkait rapat dengan kemampuan dan faktor kesedaran ibu bapa itu sendiri. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa berpendidikan menengah menunjukkan pencapaian yang baik, bermakna kurang berlaku kecelaruan semasa membaca dalam kalangan anak-anak mereka. Ini menunjukkan golongan ini mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memberikan anak-anak pendidikan yang sempurna. Ini disokong dengan dapatan kajian Jamilaton Katimon (2010), menyatakan berlaku keciciran dalam pendidikan kerana faktor perhatian ibu bapa terhadap anak-anak. Ibu bapa yang memberikan perhatian yang lebih kepada anak-anak akan memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik.

Dapat ditakrifkan bahawa, faktor perhatian ibu bapa timbul dengan kesedaran yang wujud dalam diri ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa yang berkesedaran tinggi akan menghantar anak mereka mendapatkan pembelajaran sejak anaknya kecil lagi. Jadi tidak hairanlah anak-anak ini dapat mengatasi anak-anak lain dalam mengalami proses pembelajaran di dalam kelas.

5.2 Kesimpulan

Tuntasnya jelas bahawa kecelaruan berbahasa semasa membaca berkait rapat dengan pemboleh ubah seperti faktor jantina, pendidikan awal, pendapatan ibu bapa, tempat tinggal, dan pendidikan ibu bapa itu sendiri. Semakin tinggi tahap pemboleh ubah semakin ramai responden yang menguasai kemahiran membaca. Kecelaruan berbahasa semasa membaca dilakukan paling banyak semasa membaca dan memahami ayat mudah berbanding kecelaruan pada peringkat yang lain. Ini bermakna ada murid boleh membaca suku kata tertentu tetapi lambat mencantum antara suku kata dengan suku kata yang lain.

Berdasarkan faktor jantina, dapat dilihat pada peringkat ini murid perempuan lebih ramai mengalami kecelaruan berbanding murid lelaki. Dapatan ini patut diperdalamkan lagi kajiannya berikutan ianya bertentangan dengan dapatan kajian-kajian lain sebelumnya yang banyak berpendapat kecelaruan murid lelaki lebih tinggi berbanding perempuan.

Dilihat daripada pemerolehan didikan awal pula, murid dari Tadika Swasta lebih ramai yang tidak mengalami masalah kecelaruan berbahasa Melayu semasa membaca meskipun rata-rata gurunya tidak terlatih secara khusus berbanding murid dari prasekolah. Murid-murid ini membaca dengan lebih baik apabila menjejaki kaki ke Tahun Satu. Ini kerana di Tadika Swasta murid telah didedahkan dengan latihan dan strategi yang

secukupnya pada peringkat rendah. Kajian Francine (2002) menunjukkan hubungan yang signifikan yang kuat antara pembaca tahun pertama yang memulakan pengajian dengan strategi pemahaman membaca mereka.

Pendapatan ibu bapa turut mempengaruhi kecelaruan membaca murid. Ibu bapa yang berpendapat tinggi selalu dapat menyediakan bahan yang secukupnya kepada anak mereka manakala ibu bapa yang berpendapatan rendah kurang mampu untuk menyediakan kemudahan tersebut. Keadaan ini menyebabkan anak daripada ibu bapa berpendidikan tinggi kurang mengalami masalah kecelaruan berbanding anak daripada ibu bapa berpendapatan lebih rendah pada peringkat awal pendidikan. Penyediaan bahan merupakan satu faktor motivasi kepada murid untuk terus ingin meneroka benda baharu. Rutter dan Maughan (2002) menyatakan motivasi seseorang murid dapat ditingkatkan oleh ibu bapa dengan menyediakan bahan yang sesuai untuk dibaca oleh anak di rumah. Kamarudin Haji Husin (1988) menyatakan motivasi yang berasaskan minat mempunyai hubungan dengan kebolehan membaca. Individu yang ingin mencapai kejayaan mestilah bekerja keras bagi mempertingkatkan keupayaan membaca pada dirinya.

Berkaitan dengan motivasi juga, jelas menunjukkan taraf pendidikan ibu bapa juga mempengaruhi kecelaruan membaca. Ibu bapa yang berpendidikan sederhana menunjukkan minat yang tinggi untuk melihat anak berjaya dalam pelajaran. Ini jelas ditunjukkan dengan hanya responden daripada ibu bapa berpendidikan menengah menjawab dengan betul soalan membaca dan memahami ayat. Minat ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak menjadi dorongan kepada anak-anak untuk berjaya.

5.3 Cadangan

Cadangan dikemukakan bagi membantu kajian seterusnya dan membantu pendidik untuk lebih memahami murid-murid sebelum melakukan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

5.3.1 Faktor Pengetahuan Sedia Ada

Faktor pengetahuan sedia ada amat penting dalam mengajarkan bahasa Melayu kepada seseorang murid. Pencapaian yang rendah dalam kemahiran asas, daya kefahaman yang lemah dan penguasaan bahasa yang terhad menyulitkan guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ini bertepatan dengan pendapat Haigh (1977) menyatakan pengetahuan sedia ada pada seseorang individu dapat membantu dalam proses pembelajaran seseorang. Jelas di sini pengetahuan sedia ada amat penting bagi menjadikan pengajaran di dalam kelas satu kesinambungan daripada apa yang diketahui bagi menarik minat untuk belajar secara formal dan dengan sistem yang betul.

Bagi murid yang baru didedahkan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa secara formal pula, murid semestinya sudah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan apa yang hendak dipelajarinya. Pengetahuan sedia ada berkaitan tajuk yang akan dipelajari sangat penting dan berguna ketika membaca. Tuan Jah Tuan Yusof (2010), menyatakan pengalaman sedia ada penting untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan dan membolehkan murid lebih cepat memahami apa yang dibaca. Guru yang mendapat didikan formal sudah pasti telah mempelajari pedagogi bagi membantu pelajar membaca. Sabri bin Ahmad Zabidi (2010) menyatakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda

Perguruan (PISMP) telah dilatih dengan pedagogi dan kaedah yang betul untuk mengajarkan pemerolehan bahasa.

Pendapat Yahya Othman (2008:57) berkenaan kajian penguasaan membaca menyatakan pemahaman membaca tidak hanya melibatkan pengecaman linguistik dan persefahaman kognitif tetapi juga cenderung kepada reaksi pembaca terhadap kandungan yang memberi kesan kepada penilaian apresiasi pembaca yang menjadi sebahagian keperluan pemahaman. Ini menyokong bahawa pengetahuan sedia ada menambahkan lagi kefahaman setelah membaca.

5.3.2 Faktor Pelajar

Faktor pelajar menjadi asas dalam penguasaan berbahasa Melayu dan pencapaian dalam ujian. Faktor ini berhubung rapat dengan sikap pelajar. Terdapat pelajar yang memandang senang terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Banyak pelajar yang beranggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah. Pelajar-pelajar Melayu khususnya merasakan bahasa Melayu itu bahasa ibunda mereka. Mereka menggunakan bahasa Melayu setiap hari. Mereka tidak hairan akan ujian dan mengambil ringan setiap kali ujian diadakan. Menurut Koh (1977) dalam Norlia binti Abu Bakar (2003), bahasa adalah alat komunikasi untuk pembelajaran segala jenis ilmu. Tidak boleh membaca dan memahami soalan menyebabkan murid gagal dalam ujian dan peperiksaan.

Sikap pelajar yang positif seperti suka membaca secara sendiri akan membolehkan pelajar itu sendiri membaca dengan lebih lancar. Pelajar yang bertatih dengan membaca sendiri setelah dapat membatangkan perkataan akan dapat membantunya membaca lebih lancar. Menurut Mohd Salehuddin (1993), kegemaran membaca akhbar dan majalah

terutamanya aspek pembentukan ayat boleh membantu pelajar membina ayat yang lebih gramatis khususnya pola-pola ayat tertentu.

5.3.3 Faktor Guru

Penggerak atau pelaksana kepada penguasaan bahasa yang sempurna telah menjadi tanggungjawab guru. Ini kerana, pelajar boleh berbahasa terlebih dahulu sebelum mendapat pendidikan formal yang menekankan sistem berbahasa dengan betul. Walaupun tahap penguasaan bahasa yang masih sedikit tetapi asas yang ditanam amat penting bagi seseorang pelajar untuk menentukan kemahiran berbahasa. Tahap kebolehan dan penguasaan bahasa yang dimiliki oleh guru menjadi kayu pengukur penentuan penguasaan bahasa seseorang pelajar. Oleh itu, seseorang guru bahasa Melayu bukan sahaja harus mempelajari selok-belok bahasa, tetapi aspek-aspek bukan bahasa yang bergabung jalin dengan aspek bahasa bagi memudahkannya membantu penyampaian penguasaan pelajar bagi menjana kemahiran keseluruhan. Pelajar yang mahir berbahasa dengan betul akan mendapat keistimewaan yang lebih untuk menguasai semua mata pelajaran yang diajar di sekolah.

Di sekolah pada asasnya, keutamaan mengajar bahasa Melayu ditugaskan kepada guru bahasa yang berlatar belakang ilmu bahasa yang baik. Guru bahasa Melayu sepatutnya mempunyai pengetahuan tentang fonologi, morfologi, sintaksis, sumber perkembangan kosa kata sesuatu bahasa, khususnya bahasa Melayu, semantik, neka bahasa, daerah dan fungsi bahasa. Bersandarkan pengetahuan ini guru dapat mempraktikkan di dalam kelas amnya dan kepada pelajar khususnya. Ilmu-ilmu bahasa boleh diperolehi dari intitusi pendidikan mahupun bukan secara formal atau tidak.

Oleh itu, guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang banyak tentang bahasa Melayu atau yang kurang minat tidak harus dipaksa mengajar bahasa Melayu kerana guru ini selain kurang mantap pengetahuan bahasa Melayu, mereka kurang mengetahui perkaedahan, pendekatan, dan teknik pengajaran bahasa. Tambahan pula, jika guru itu tidak mendapat bimbingan dan pendedahan tentang dapatan-dapatan baru berkaitan pedagogi pengajaran bahasa. Kajian Nasimah Abdullah (2006) menyatakan asas penguasaan bahasa sedia ada pada pelajar mempengaruhi tahap kefahaman terhadap apa yang dipelajari, tahap kefahaman pelajar kurang akibat kurang penggunaan bahasa yang betul dan kurang membaca adalah punca lemah penguasaan bahasa.

Pihak bertanggungjawab mengadakan kursus-kursus, sama ada bersifat intensif atau tidak, bagi memperbaiki penguasaan bahasa mereka. Penyelidikan oleh Awang Mohd Amin (1982) mendapati tidak ada guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar membaca dengan satu kaedah yang terbaik melainkan satu kursus pemulihan sahaja yang menekankan penguasaan pembacaan murid.

Jumlah guru yang mengajarkan bahasa Melayu haruslah berpatutan. Beban tugas guru bahasa adalah berat. Banyak aspek yang hendak ditumpukan, latihan, pemeriksaan dan pembetulan yang teliti serta pemastian akan peningkatan terhadap perkembangan pencapaian bahasa pelajarnya secara kolektif. Di samping itu, pelajar yang ramai dalam sesuatu kelas patut turut diambil kira dalam memastikan pencapaian yang baik. Jumlah pelajar yang ramai mengurangkan perhatian terhadap individu yang tertentu (Nota Taklimat KIA2M), disarankan setiap kelas pemulihan tidak melebihi 25 orang. Akibat pelajar yang ramai dalam kelas menambah beban tugas guru dan menyebabkan guru menjadi kurang kreatif dan kurang penumpuan khas terhadap individu. Oleh itu, jumlah masa yang

berpatutan dan jumlah murid yang berpatutan juga memainkan peranan penting dalam memastikan pencapaian target sifar buta huruf.

Guru mestilah sentiasa bersedia untuk menambah dan memperlengkapkan diri dengan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini. Supaya guru-guru lengkap dengan ilmu pengetahuan yang kemas kini tentang bahasa, perkembangan bahasa dan pengajaran bahasa mereka hendaklah digalakkan menghadiri seminar, bengkel, simposium, kolokium, tentang bahasa dan pengajaran bahasa dari semasa ke semasa. Guru juga digalakkan mengadakan seminar dan bengkel untuk membincangkan masalah bahasa dan pengajaran bahasa di sekolah-sekolah. Dengan ini, guru dapat menampilkan pengajaran bahasa Melayu dengan lebih yakin dan berkesan.

Menurut Corder (1973:256) bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, berdasarkan analisis kecelaruan boleh membantu guru dalam menyediakan objektif pengajaran yang tepat. Guru boleh merangka objektif pengajaran dan pembelajar berdasarkan kelemahan murid dan tidak terlalu terikat dengan objektif sukatan yang disediakan. Guru juga disarankan sentiasa menitik beratkan pelajar agar membuat pembetulan sekiranya pelajar tersebut membuat tidak kesalahan dalam latihan.

Guru perlu berinovatif dan kreatif terhadap pengajaran mereka. Sifat guru yang kreatif dan bijak mempelbagaikan kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran bahasa. Kaedah pengajaran bahasa yang diberikan di maktab-maktab, di fakulti-fakulti atau jabatan-jabatan hampir seratus-peratus didasarkan kepada kaedah pengajaran bahasa Inggeris (Awang Had Salleh, 1985:60). Oleh itu, guru yang kreatif dan menyesuaikan

pedagogi pengajaran untuk digunakan bagi mengajar bahasa Melayu terutamanya aspek sintaksis kepada pelajar negara ini.

5.3.4 Faktor penilai

Faktor penilai juga patut diambil kira bagi menjalankan kajian. Penilaian yang dijalankan adalah secara interaksi lisan dan murid tiada hubungan dengan penilai sebelum itu. Berkemungkinan faktor takut dan malu menyebabkan murid melakukan kecelaruan berbahasa semasa menjawab soalan. Murid tidak menjawab soalan dengan betul berikutan penanya soalan adalah orang yang tidak dikenali. Cadangan terbaik bagi kajian ini ialah guru kelasnya sendiri. Murid lebih selesa dengan guru kelasnya sendiri berbanding orang lain. Hasil soal selidik lebih meyakinkan.

5.4 Cadangan untuk kajian lanjut

Memandangkan kajian ini melibatkan murid baru belajar membaca, kajian seperti ini sepatutnya dijalankan lagi di peringkat yang sama supaya satu penerokaan baru perlu dikenal pasti berikutan perubahan teknologi pada masa kini. Banyak saranan boleh dikemukakan untuk kajian akan datang bagi melihat keberkesanan pengajaran kemahiran membaca dalam memantapkan proses pembelajaran bahasa Melayu. Tambahan pula selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) menekankan kebolehan membaca pada setiap individu bagi mencapai negara maju.

Antara kajian yang sesuai dijalankan tentang kecelaruan membaca pada masa akan datang termasuklah:

1. Kajian yang melibatkan sampel dan latar belakang yang berbeza. Ini bertujuan melengkapkan lagi dapatan umum mengenai tahap pemikiran dan pemahaman yang telah diperolehi menerusi kajian ini.
2. Kajian yang lebih komprehensif yang menggunakan teknik pengumpulan data yang berbeza seperti kaedah temubual ibu bapa dan guru bagi menyokong dapatan berkaitan peribadi murid yang lemah.
3. Kajian bagi mengenal pasti faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan membaca bahasa Melayu. Kajian ini dapat membantu ibu bapa dan guru dalam proses pengajaran secara formal mahupun tidak formal.
4. Membuat perbandingan sebelum dan selepas mengikuti kelas secara formal bagi membantu menilai kaedah dan teknik yang berkesan dalam mengajarkan bahasa Melayu.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, berdasarkan huraian konsep membaca bacaan akademik serta kajian-kajian yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa membaca dan penguasaan pemahaman pada peringkat umur tujuh tahun adalah berkait rapat dengan perbezaan diri pembaca sama ada pada tahap kecerdasan mahupun pengalaman. Melalui aktiviti membaca bahan-bahan yang bermutu, seseorang itu dapat mengayakan perbendaharaan kata, ilmu dan pengetahuan baru mereka. Seterusnya ilmu dan pengetahuan baru itu dapat meningkatkan mutu penulisan dan lisan mereka.

Safiah Osman (1992), memberikan maksud kepada ungkapan “membaca membentuk watak bangsa” bahawa jika ahli-ahli masyarakat itu minat, gemar dan cekap membaca, sebenarnya ahli-ahli masyarakat tersebut telah menolong untuk memajukan masyarakatnya. Jelas terbukti membaca sangat penting dan kecelaruan tidak sepatutnya lagi berlaku. Usaha demi usaha dijalankan untuk membasmi masalah buta huruf namun masih

ada yang tercibir. Masalah buta huruf ini berkait rapat dengan masalah individu itu sendiri. Individu yang inginkan kejayaan dan kecemerlangan pasti berusaha dengan tekun dan gigih untuk meletakkan dirinya di tempat yang selesa dan dihormati.